



**MEMBANGUN BANGSA,  
MEMAKMUR NEGERI**

MUKA 2

**POLISI RUMAH  
SELANGORKU 2.0**

MUKA 7



**TINGKAT EKONOMI WANITA**

MUKA 15

MEDIA SELANGOR KINI  
MENERBITKAN EDISI KHAS  
SELANGORKINI PEDULI  
BERMULA 2 APRIL 2018 YANG  
DIEDARKAN SETIAP  
SELASA



OLEH ERMIZI MUHAMAD

**RAWANG** - Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan RM42 juta bagi tujuan pembangunan projek pembinaan jambatan di atas Lebuhraya Utara Selatan Batu Arang-Batang Berjuntai.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, komitmen itu dizahirkan pentadbiran negeri bagi memastikan jaringan pembangunan bandar dan luar bandar terus dilaksanakan secara komprehensif.

Beliau berkata, iltizam itu juga sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam usaha memastikan masyarakat pinggir bandar turut mendapat akses jaringan pengangkutan dan fasiliti terbaik, di negeri itu.

"Kerajaan Negeri berulang kali menegaskan bahawa pembangunan mampan yang dilaksanakan di seluruh negeri haruslah projek pembangunan berkualiti.

"Hal ini kerana wujud kebimbangan, apabila ada sesetengah pihak yang melaksanakan pembangunan tetapi tidak berkualiti dan mencapai standard yang kita tetapkan.

"Kita lihat banyak insiden di luar apabila ia dilaksanakan atas nama pembangunan, maka rakyat terpaksa dibebankan, malah persekitaran turut dikorbankan dan banyak kemusnahan berlaku.

"Atas prinsip itu, menjadikan Kerajaan Selangor sangat tegas bahawa pembangunan perlu mematuhi peraturan ditetapkan. Ia bagi memastikan pembangunan

# JARINGAN REFORMASI PENGANGKUTAN



**Mohamed Azmin mendengar taklimat ketika Majlis Perasmian Projek Jambatan di atas Lebuhraya Utara Batu Arang, Rawang**

yang dilaksanakan dapat menjaga kepentingan rakyat dan persekitaran alam sekitar, di Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian pada

Majlis Perasmian Projek Jambatan di atas Lebuhraya Utara Batu Arang, Rawang, di tapak projek berkenaan, pada 4 April lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kera-

jaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Nor Azmi Diron; Ahli Dewan Negeri Rawang, Gan Pei Nei dan Ahli Parlimen Sela-

yang, William Leong.

Terdahulu, projek berkenaan mula diluluskan di peringkat negeri selepas pengambilalihan milik tapak dibuat, paada 14 Februari lalu.

Ia dijangka siap bagi tempoh tiga tahun dengan lantikan kontrak dibuat menerusi tender terbuka dan diserahkan kepada kontraktor, Ehsan Pantas Sdn Bhd.

Mohamed Azmin berkata, pembangunan projek berkenaan, sekali gus dapat mengurangkan kesesakan trafik di jalan persimpangan utama Batu Arang dan Batang Berjuntai, khususnya pada waktu puncak.

"Kita menyaksikan kemajuan perbandaran di mukim Rawang menyebabkan kesesakan trafik, memandang jumlah penduduk di mukim ini melebihi 100,000.

"Untuk menampung keperluan ini, maka Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan proaktif untuk menyediakan fasiliti dan prasarana awam demi kesejahteraan warga Rawang.

"Justeru, kita berharap, projek pembangunan ini dapat menyelesaikan masalah trafik secara efektif dan berkesan," katanya.

Badal Haji  
1439H  
Sijil & Cenderahai

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

# UMRAH

APRIL | RAMADHAN | OKT | NOV | DIS

03 - 6178 7055 012 - 330 3006



Bawa Keratan Ini Untuk DISKAUN  
Pakej Umrah 2018

Teraktik Pada Terma & Syarat



COMPANY NO: 1001408 - K KPK / LN: 6823 (LKU)  
MOF: K22154748651360785

NO. 3 - 2F PINGGIRAN MUTIARA UTAMA,  
TAMAN MUTIARA GOMBAK,  
53100 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

03 - 6178 7055 012 - 330 3006

sgtravel2u

www.sgtravel2u.com.my

Selangor masa depan Malaysia

# Bangun bangsa, makmur negeri

OLEH SHEEDA FATHIL

**PETALING JAYA** - Kerajaan Negeri tuntas membangun bangsa, memakmur negeri dan sentiasa memastikan penjawat awam terutamanya turut menikmati inisiatif diberikan kepada rakyat.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau tekad dan komited untuk sentiasa melakukan yang terbaik serta memastikan kekayaan negeri yang dinikmati seluruh rakyat terus dipertahankan.

Beliau berkata, rakyat cukup matang memilih permata atau kaca, malahan yakin Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini

terus dikekalkan untuk masa depan lebih cemerlang.

"Saya tidak sibuk dengan persiapan Pilihan Raya Umum (PRU), namun saya sibuk membangunkan Selangor," katanya dalam satu majlis di Dewan Banquet MBPJ, pada 30 Mac lalu.

Mohamed Azmin berkata, beliau tidak gentar menghadapi PRU14 sebaliknya sibuk membangunkan Selangor dalam memastikan negeri itu terus maju dan dikenali.

"Jika kita dapat menjalankan tugas dengan baik, berintegriti, adil, fokus dan mempunyai visi yang jelas serta tidak perlu melakukan kempen sana sini," katanya.

**Saya tidak gentar menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) akan datang sebaliknya sibuk membangunkan Selangor dalam memastikan negeri itu terus maju dan dikenali**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar

## Jangan alih isu, hutang negara semakin 'membengkak'

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menegaskan soal hutang negara perlu diberi perhatian khusus kerana ia membebankan generasi akan datang.

Perkara itu merujuk kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Dewan Rakyat baru-baru ini yang menyatakan isu air di Selangor lebih teruk berbanding isu 1MDB.

Mohamed Azmin berkata, ia satu perbandingan yang tidak adil dan tidak wajar dizarhkan seorang pemimpin tertinggi negara, apatah lagi dibuat, di dalam Dewan Rakyat.

"Hutang negara membabitkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) juga menjadi keprihatinan majoriti rakyat Malaysia, maka kita tidak boleh remehkan perkara itu yang semakin 'membengkak' kerana anak, cucu-cicit dan generasi akan datang yang bakal bayar hutang negara ini,"

katanya.

Perkara itu dinyatakan bagi menjawab soalan tambahan Ahli Dewan Negeri Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, yang meminta Kerajaan Negeri mengulas kenyataan Najib di Parlimen berhubung isu air Selangor, baru-baru ini.

Sementara itu, Mohamed Azmin turut membidas kenyataan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Zaini Ujang yang menyalahkan Kerajaan Selangor berkenaan isu air.

"Sebagai seorang *regulator* industri air beliau tidak seharusnya mengeluarkan kenyataan yang tidak berasas dan tidak berfakta.

"Ini membimbangkan kita, sebab industri perkhidmatan air bukan saja Selangor, malahan negara juga akan terjejas apabila *regulator* ini seorang yang tidak profesional dalam menyelesaikan masalah dihadapi rakyat," katanya.

## ADN PAKATAN nyata protes terhadap SPR

**SHAH ALAM** - Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor daripada Pakatan Harapan (PAKATAN) sebulat suara membantah dan menolak syor persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dicadangkan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

la ditolak ekoran dakwaan pihak berkuasa itu mengemukakan cadangan bagi memberi kelebihan kepada Umno-Barisan

Nasional (BN) bagi mengambil negeri itu daripada PAKATAN dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

ADN Sri Andalas, Dr Xavier Jayakumar menyatakan protes selepas Dewan Negeri Selangor meluluskan usul dikemukakan itu.

"Kita mengecam dan menolak cadangan SPR ini kerana melihat

persempadanan semula dikemukakan tidak berasas dengan beberapa kawasan DUN dan Parlimen mengalami perubahan tidak seimbang megikut pecahan kaum.

"Selangor juga dilihat sebagai negeri yang terkesan dalam proses berkenaan dan kita mengemukakan juga menolaknya," katanya.

Beliau mendakwa, cadangan

SPR dikemuka dan dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat itu akan mengalami proses kelulusan segera dengan keputusannya tidak mengambil kira pandangan semua pihak seadilnya.

Katanya, proses demokrasi di negara ini tidak berjalan seperti sepatutnya dan rakyat berdepan dengan situasi tidak memihak kepada mereka.

Usul tergepar dikemukakan ADN Bukit Gasing, R Rajiv, berhubung perkara berkaitan diterima untuk dibahaskan DNS yang kemudiannya diluluskan.

Selepas keputusan itu dibuat, DNS mengemukakan surat bantahan bagi menolak cadangan SPR itu melalui faks kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat dan SPR.

## Persempadanan semula: Selangor paling terjejas

**SHAH ALAM** - Persempadanan semula dilakukan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ke atas Selangor tidak adil dan mencurigakan, kata Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Caves, Amirudin Shari.

Beliau berkata, Selangor negeri paling terjejas apabila 18 daripada 22 kerusi Parlimen di negeri itu berubah seperti yang disyorkan SPR.

"Selangor sahaja yang mengalami peralihan pengundi begitu besar tetapi tidak begitu terkesan kepada negeri lain.

"Apa yang terjadi di negeri lain kebanyakannya hanya bertukar nama dan peralihan pengundi yang kecil sahaja.

"Antara kerusi KEADILAN yang akan menerima kesan ialah Selayang, Gombak, Ampang, Pandan, Subang, Kelana Jaya, Kapar, Kuala Langat dan Petaling Jaya Selatan," katanya.

Amirudin berkata, peralihan pengundi sangat ketara itu boleh mengganggu dan menggugat kestabilan kaum berdasarkan sesuatu kawasan selain turut memberi kesan kepada demografi pengundi dalam satu-satu kawasan.

Bagaimanapun, Amirudin berkata, kawasannya tidak mengalami sebarang perubahan melainkan namanya ditukar kepada DUN Sungai Tua.

"Persoalannya kenapa ia dibuat di saat akhir ketika sudah habis penggal kerana boleh mengelirukan pengundi sebelum ini.

"Jika nak buat pun, seharusnya ia dibuat dua tahun supaya parti dapat mengembangkan calon di kawasannya," katanya.

**SELANGOR**

JUMLAH BILANGAN PEMILIH

**2,078,311**

**5**  
PARLIMEN

- P102 Bangi (Serdang)
- P104 Subang (Kelana Jaya)
- P105 Petaling Jaya (Petaling Jaya Selatan)
- P106 Damansara (Petaling Jaya Utara)
- P107 Sungai Buloh (Subang)

**9**  
DUN

- N16 Sungai Tua (Batu Caves)
- N21 Pandan Indah (Chempaka)
- N26 Sungai Ramal (Bangi)
- N36 Bandar Utama (Damansara Utama)
- N45 Bandar Baru Klang (Sungai Pinang)
- N48 Sentosa (Kota Alam Shah)
- N49 Sungai Kandis (Seri Andalas)
- N50 Kota Kemuning (Sri Muda)
- N52 Banting (Teluk Datuk)



## Fasiliti baru

# Penantian 30 tahun warga Rawang berakhir

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**RAWANG** - Penantian warga Rawang untuk menikmati jaringan pengangkutan dan infrastruktur jalan raya baru sejak 30 tahun lalu akhirnya dilaksanakan secara efektif oleh pentadbiran Kerajaan PAKATAN Selangor.

Ahli Dewan Negeri Rawang, Gan Pei Nei berkata, kemudahan jalan raya di Batang Berjuntai dan Batu Arang sebelum ini

tidak dilaksanakan secara komprehensif pentadbiran kerajaan terdahulu, sebelum 2008.

Bagaimanapun, katanya, warga Rawang sudah boleh menarik nafas lega apabila pentadbiran kini menyalurkan peruntukan RM42 juta bagi tujuan pembinaan jambatan di atas Lebuhraya Utara Selatan Batu Arang, Rawang.

"Jalan sedia ada ini sudah terlalu lama sejak 1980an dan belum pernah dinaik taraf lagi

(pentadbiran sebelum ini).

"Jadi sebenarnya isu ini adalah sangat lama, sejak 30 tahun lalu.

"Tapi, Kerajaan Negeri di bawah PAKATAN berjaya melakukan penakhtarafan pada 2008 membabitkan fasa pertama pembaikan jalan.

"Saya menghargai komitmen dan keprihatinan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, dan Kerajaan Selangor yang memberi kelulusan ter-

hadap projek ini, pada kadar segera.

"Ini menjadi satu berita baik kepada penduduk yang sudah lama menantikan sebuah projek bermanfaat untuk warga Rawang," katanya kepada SelangorKini pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan berkenaan yang dirasmikan sendiri, Mohamed Azmin.

Terdahulu, projek berkenaan mula diluluskan di peringkat Kerajaan Negeri selepas

pengambilalihan milik tapak dibuat, pada 14 Februari lalu.

Projek itu dijangka siap bagi tempoh tiga tahun denganantikan kontrak dibuat menerusi tender terbuka dan diserahkan kepada kontraktor, Ehsan Pantas Sdn Bhd.

Difahamkan, pembangunan projek berkenaan bakal mengurangkan kesesakan trafik di laluan utama Batang Berjuntai dan boleh memberi manfaat kepada 100,000 penduduk Rawang.



Beberapa pemimpin KEADILAN tidak melepaskan peluang mencuba aplikasi Demi Rakyat

## Kempen media sosial hadapi PRU14

**PETALING JAYA** - KEADILAN melancarkan kempen media sosial bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Pengarah Pilihan Rayanya, Nurul Izzah Anwar berkata, kempen itu bagi membolehkan pengundi mendapat berita dengan lebih cepat dan tepat.

"KEADILAN percaya media sosial adalah medium paling pantas sampai kepada pengundi khususnya golongan muda kerana mereka dekat dengan dunia teknologi.

"KEADILAN pernah mencetuskan revolusi pada 2008 hanya melalui media sosial,

jadi kami yakin melaluinya dan sekali lagi dapat memenangi hati rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Peluncuran Kempen Media Sosial KEADILAN dan Pakatan Harapan, di Ibu Pejabat KEADILAN, di sini.

Hadir sama Naib Presiden KEADILAN, Tian Chua; Ketua Penerangan KEADILAN, Syed Ibrahim Syed Noh dan Pengarah Strategi KEADILAN, Sim Tze Tzin.

Antara kempen media sosial yang dilancarkan ialah aplikasi

Demi Rakyat yang dimuat naik melalui Play Store.

Tian Chua berkata, aplikasi itu akan mengemaskini berita terbaru daripada KEADILAN dan PAKATAN.

"KEADILAN juga mahu memerangi berita palsu yang tersebar luas di media sosial terutama sepanjang kempen PRU akan datang.

"Antara media rasmi yang boleh didapati di dalam aplikasi Demi Rakyat ialah SelangorKini, Suara KEADILAN dan BERSATU," katanya.

## RM4.5 juta laksana program pulihara alam sekitar

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM4.5 juta bagi menjayakan program dan aktiviti pemuliharaan alam sekitar dan teknologi hijau di Selangor, tahun ini.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia bertambah RM1.1 juta berbanding tahun lalu (RM3.4 juta), sekali gus membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri bagi tujuan berkenaan.

"Seperti tahun sebelumnya, Kerajaan Negeri adalah yang pertama bekerjasama dengan Persatuan Arborist Malaysia bagi kursus persijilan arborist kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), di Selangor.

"Seramai 24 wakil daripada PBT mengikutinya dan usaha ini membuktikan Kerajaan Negeri komited dalam memastikan semua proses penanaman, pengurusan,

penebangan dan pemuliharaan pokok dilaksanakan di peringkat PBT di Selangor dilakukan dengan betul serta mengguna pakai *standard* antarabangsa," katanya dalam Majlis Penyerahan Cek Geran Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, pada 28 Mac lalu.

Dalam majlis itu, Mohamed Azmin menyerahkan sumbangan RM750,000 kepada 98 organisasi terabit dalam perkara berkenaan.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahyia.

Beliau berkata, Selangor adalah antara negeri proaktif melaksanakan usaha pengurangan pengeluaran karbon selaras dengan komitmen Kerajaan Persekutuan di Persidangan ke-21 Negara Parti (COP21) untuk mengurangkan intensiti pengeluaran karbon sebanyak 45 peratus, menjelang 2030 berbanding 2009.

"Selangor menikmati kemajuan dalam sektor industri dan ekonomi tetapi penting bagi Kerajaan Negeri memastikan kesedaran awam berhubung pemuliharaan alam sekitar dan teknologi hijau dapat terus dipertingkatkan," katanya.





Isu peneroka tanah di tiga kawasan

# SPRM perlu bertindak profesional



OLEH SYAZWANI SUFIAN

**SHAH ALAM** - Umno-Barisan Nasional (BN) digesa tidak mempergunakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyerang Kerajaan Selangor berhubung kes tanah di tiga kawasan, sekitar Ijok.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau bertekad mempertahankan rakyat dan peneroka walau Umno-BN cuma menjatuhkan Kerajaan Negeri.

Beliau juga menegaskan supaya Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, untuk tidak mengugut Kerajaan Selangor dalam kes tanah itu.

Beliau berkata demikian berhubung tindakan SPRM memanggil peneroka asal untuk membantu siasatan kes penju-

lan tanah kira-kira 880 hektar itu.

"Mengapa Umno marah dengan saya bila saya tolong 980 peneroka? Kenapa Umno sanggup tolong syarikat daripada tolong rakyat?"

"Kita boleh berbeza politik dan pandangan tetapi Ahli Dewan Negeri (ADN) Dengkil perlu terima hakikat Kerajaan Negeri berjaya bantu 980 peneroka," katanya ketika menjawab soalan tambahan ADN Dengkil, Shahrum Mohd Sharif, ketika sesi pengguluhan Sidang Dewan Negeri, pada 28 Mac lalu.

Mohamed Azmin berkata, sebahagian besar daripada peneroka datang bertemu beliau di Stadium Kuala Selangor dengan berkerusi roda, malahan 358 daripada 980 peneroka sudah meninggal dunia.



"Mereka datang dalam keadaan yang uzur, tetapi Umno sanggup menggunakan SPRM menyerang saya dan Kerajaan Negeri. Kini, mula menyerang dan mengugut peneroka," katanya.

Mohamed Azmin dalam ucapannya turut menunjukkan peta tanah Ijok yang sebenarnya terbahagi kepada tiga kawasan iaitu Alam Perdana, Alam Mutiara dan Alam Utama.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, Umno-BN merancang memainkan kes tanah itu sebagai modal, menjelang PRU-14.

## Sasaran 56,000 pinjaman HIJRAH hampir dicapai

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri hampir mencapai sasaran 56,000 pinjaman ditetapkan melalui Hijrah Selangor (HIJRAH), tahun ini.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata berdasarkan perkembangan setakat ini, sasaran ditetapkan itu mampu dicapai, menjelang akhir Mac ini.

"Sehingga Februari lalu, kita sudah mencatatkan 51,244 pinjaman di seluruh Selangor dengan membantu lebih 45,000 usahawan, di negeri ini.

"Ini bermakna menjelang akhir Mac ini, kita sudah hampir mencapai sasaran ditetapkan iaitu 1,000 pinjaman bagi satu Dewan Undangan Negeri yang dibantu," katanya dalam sesi pengguluhan, di sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 27 Mac lalu.

Beliau berkata, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan turut membantu golongan usahawan dalam aspek lain seperti pembangunan promosi, pembungkusan dan berkaitan.

**Sehingga Februari lalu, kita sudah mencatatkan 51,244 pinjaman di seluruh Selangor dengan membantu lebih 45,000 usahawan di negeri ini**

**AMIRUDIN SHARI**  
Exco Pembangunan Usahawan

Katanya, menjelang pertengahan tahun ini, satu lagi produk akan diperkenalkan iaitu program kelahiran serta pelabelan sijil halal kepada usahawan yang sudah memulakan perniagaan.

"Dengan sijil halal ini, kita hampir melengkapkan program pembangunan keusahawan di Selangor, sama ada dalam bentuk pinjaman, geran bantuan kewangan dan latihan keusahawan," katanya.



## SELANGOR KEM SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG : Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Ermizi Muhamad : noraizie@mediaselangor.com

Sabirah Aziz : maizaitul@mediaselangor.com

Sheeda Fathil : sheeda@mediaselangor.com

JABATAN PEMASARAN &amp; PENGIKLANAN:

Nadhrhah Azlan : nadhrhah@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 117)

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin &amp; Hafiz Othman

GRAFIK &amp; REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel &amp; Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

## Sasar 500 pesakit terima manfaat Skim Rawatan Jantung

**SHAH ALAM** - Sembilan pesakit menjalani rawatan jantung di bawah Program Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor (SRJNS) dengan pembiayaan RM44,132.20 sehingga 18 Mac lalu selepas tiga minggu dilancarkan, pada 26 Februari lalu.

Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, menerusi SRJNS itu, Kerajaan Negeri menasaskan 500 pesakit jantung menerima manfaat, di bawah program itu.

Katanya, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM10 juta setahun

bagi menjayakan program itu yang dibiayai Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

"Skim ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang lahir di Selangor atau menetap di negeri ini melebihi 10 tahun dan mempunyai pendapatan isi rumah tidak lebih melebihi RM8,000 sebulan.

"Pesakit jantung yang menepati kriteria boleh membuat permohonan kepada pihak Selcare Management Sdn Bhd (SEL CARE) yang akan bertindak selaku *Third Party Administrator* (TPA) untuk mendapatkan *Guarantee Letter* se-

belum mendapatkan rawatan, di Institut Jantung Negara," katanya.

Beliau berkata demikian di Sidang Dewan Negeri bagi menjawab pertanyaan Ng Suee Lim-Sekinchan.

Terdahulu, Selangor terus proaktif dalam memberikan kesihatan bersepadu kepada rakyatnya menerusi skim terbaru, Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, langkah itu bagi membantu pesakit jantung menerima rawatan terbaik memandangkan kos rawatan semakin meningkat, ketika ini.



Kestabilan politik, polisi mesra pelabur

# Resipi Selangor tingkat pelaburan

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Faktor kestabilan politik dan polisi pelabur yang konsisten berjaya menarik pelaburan, sekali gus menyumbang kepada pertambahan jumlah pelaburan.

Exco Pelaburan, Perindustrian Industri Kecil Sederhana (IKS), Perdagangan dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim berkata, kejayaan Selangor menarik pelabur tahun lalu membuktikan pelabur selesa dan yakin dengan dasar pentadbiran negeri untuk terus melabur serta membuat penambahbaikan pelaburan.

Katanya, antara faktor lain termasuk kemahiran bertutur bahasa Inggeris dalam kalangan pekerja tempatan, polisi pelaburan yang mesra pelabur, kemudahan infrastruktur, keselamatan dan persekitaran kediaman selesa serta kemudahan pembelajaran bagi anak *Expatriate*.

"Selaras dengan trend sektor perindustrian di peringkat global yang sedang beralih kepada Industri 4.0, maka Kerajaan Negeri

akan terus memberi tumpuan kepada lima sektor industri utama.

"Antaranya elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan, sains hayat, makanan dan minuman serta mesin dan peralatan.

"Daripada sektor industri utama itu, beberapa bidang tumpuan dikenal pasti berpotensi berkembang di negeri ini iaitu *e-commerce*, bioteknologi, aeroangkasa dan industri halal," katanya.

Chang Khim berkata, industri itu semakin berkembang dan mendapat tempat selari dengan arus perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjerus kepada perniagaan *e-dagang*, sains dan bioteknologi serta aeroangkasa.

Tahun lalu, Selangor menarik RM5.59 bilion pelaburan langsung dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan bernilai RM4 bilion terutama daripada peruncit perabot terbesar dunia, IKEA dengan penubuhan sebuah pusat rantai bekalan di Pulau Indah bernilai RM908 juta.

Selangor turut muncul pada



kedudukan tertinggi di Malaysia menerusi jumlah perkilangan diluluskan iaitu 202 projek berbanding negeri lain tahun lalu, sekali gus mencipta lebih 10,000 peluang pekerjaan.

Jepun adalah penyumbang pelaburan tertinggi dengan 13 projek membabitkan nilai RM533,596,629, diikuti Singapura sebanyak 18 projek (RM439,958,335) dan China

lima projek (RM282,179,556).

Manakala, Belanda pula tiga projek dengan nilai RM162,401,080 dan Jerman tiga projek membabitkan RM147,173,824.

## Catat ketiga tertinggi pendapatan bulanan purata

**SHAH ALAM** - Selangor mencatat negeri ketiga tertinggi purata pendapatan bulanan dengan kadar RM2,362.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, Selangor antara lima negeri terbaik yang mempunyai kadar pengangguran terendah.

"Selangor mencatatkan kadar pengangguran pada 8.8 peratus.

"Manakala berbeza dengan ka-

dar purata pendapatan negara, mencatatkan RM2,463, pada 2016," katanya ketika menjawab soalan lisan Ahli Dewan Negeri Teratai, Tiew Way Keng, di sidang Dewan Negeri Selangor, pada 28 Mac lalu.

Amirudin berkata, bagi mengekalkan Selangor terus menjadi negeri terbaik dan mampu memberikan pendapatan serta mengukuhkan ekonomi, maka beberapa langkah sudah dilaksanakan.

la untuk memastikan generasi

muda bukan hanya tertumpu kepada peluang pekerjaan tetapi pendapatan mereka seimbang dan setanding dengan ekonomi semasa.

"Antaranya pelaksanaan Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisass Smart Selangor (IKTISASS) di bawah kelolaan Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi yang memberi tumpuan kepada teknikal serta vokasional.

"Perkara ini kita jangkakan dapat menambah ruang pekerjaan yang berkemahiran kepada golongan muda dengan memberi tumpuan kepada aspek pelaburan yang dalam bidang aeroangkasa, perkhidmatan dan pengilangan," katanya.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan kepada program keusahawanan melalui program Hijrah Selangor dengan kerjasama agensi lain.

Tambahnya lagi, pelaksanaan Majlis Teknologi Maklumat dan E-Dagang Selangor (SITEC) dengan Kerajaan Negeri sudah memperkenalkan Program *Online 100* bagi membantu peniaga meneroka pasaran perdagangan elektronik (*e-dagang*).



## Penerima KISS naik kepada 40,000

**SHAH ALAM** - Penerima bantuan Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dinaikkan daripada 30,000 kepada 40,000 dengan peruntukan RM96 juta.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kerajaan Negeri menyedari penerimaan luar biasa program itu yang mendapat sambutan menggalakkan daripada golongan ibu, di negeri ini.

"Kerajaan Negeri berbesar hati untuk mengumumkan bilangan penerima KISS dinaikkan daripada 30,000 kepada 40,000.

"Dengan peruntukan awal sebanyak RM72 juta setahun, sejumlah RM4.3 juta sudah dibelanjakan peserta KISS secara tanpa tunai

(*cashless*) di lebih daripada 300 kedai dan pasar raya panel KISS berdaftar, di seluruh Selangor," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 28 Mac lalu.

Beliau berkata, sehingga 21 Mac lalu, sejumlah 27,923 mewakili 93 peratus golongan ibu yang layak menerima manfaat berkenaan.

Program KISS memberi pengiktirafan terhadap peranan dan pengorbanan ibu sebagai tonggak pembangunan institusi keluarga dan masyarakat.

Melalui program itu, golongan ibu yang layak bakal menerima insentif RM2,400 setahun atau RM200 sebulan untuk membeli keperluan asas bulanan.





Sangkal dakwaan

# Siapa yang halang LRA Langat 2?

OLEH SYAZWANI SUFIAN

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, menyangkal dakwaan Umno-Barisan Nasional (BN) kononnya Kerajaan Negeri cuma melengahkan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2.

Ahli Dewan Undangan Bukit Antarabangsa itu kesal dengan Kerajaan Persekutuan yang sentiasa berdolok dalih dalam isu itu, malahan menyalahkan Selangor.

"Kita tidak pernah menghalang atau melengah-lengahkan pelaksanaan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor (PAMPS) dan projek LRA Langat 2 sebaliknya keputusan pembatalan itu sudah dibuat oleh Jemaah Menteri Kabinet, pada 16 Januari 2008.

"Sebelum PRU12 pada 2008, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) ditawarkan kontrak secara rundingan terus selepas syarikat perunding yang dilantik Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) menyiapkan kerja reka bentuk ke-

juruteraan dan mengemukakan anggaran kos keseluruhan projek LRA Langat 2," katanya ketika sesi penggulungan Sidang Dewan Negeri, pada 28 Mac lalu.

Mohamed Azmin berkata, jemaah menteri kabinet juga memutuskan KDEB turut mengambil alih operasi dan penyelenggaraan bagi rawatan serta pembekalan air di Selangor, Kuala Lumpur juga Putrajaya termasuk LRA Langat 2 yang akan dibina.

Bagaimanapun, katanya, beliau kesal apabila sebaik selesai PRU12 pada 2008 yang menyaksikan BN kalah di Selangor, maka jemaah menteri kabinet bertindak menukar keputusan itu.

"Melalui Mesyuarat Jemaah Menteri Kabinet pada 23 Mei 2008 sekali lagi memutuskan pelaksanaan dan pembinaan operasi serta penyelenggaraan projek LRA Langat 2 diuruskan PAAB.

"Mesyuarat Jemaah Menteri Kabinet yang sama juga memutuskan bahawa keputusan yang dibuat pada 16 Januari 2008 terbatal dengan sendirinya," katanya.

## Pasang PRV pada jajaran paip elak pecah

**SHAH ALAM** - Perkakasan mengurus atau mengawal tekanan (*pressure reducing valve* - PRV) dipasang bagi mengelak kejadian paip pecah yang sering berlaku di jajaran paip utama menyalurkan bekalan ke kawasan

Dusun Tua, di Jalan Hulu Langat.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abd Talib berkata, ia bertujuan mengurangkan berlakunya kejadian paip pecah, di ka-



LRA Semenyih 2 mampu membekalkan 100 juta liter air bersih sehari kepada masyarakat, di Semenyih, Beranang dan sebahagian Hulu Langat

## Sedia bekal 100 JHL air terawat

**SHAH ALAM** - Pembangunan Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2 siap dibina dan mula beroperasi pada 1 Mac lalu dengan peruntukan RM187.5 juta.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abd Talib berkata, kos perbelanjaan pembinaan loji dan fasiliti lain dianggarkan RM155.5 juta.

"Bagi kos perbelanjaan kerja pembaikan Kolam Desa Putra berjumlah RM7.2 juta dan Caj Sambungan TNB (RM10 juta).

"Manakala bayaran pampasan pengambilalihan tanah dan caj Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM9.8 juta," katanya ketika menjawab soalan

lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADN) Sekinchan dan ADN Semenyih di sidang Dewan Negeri Selangor, pada 28 Mac lalu.

Zaidy berkata, loji itu berjaya mengeluarkan 100 JHL air terawat yang memenuhi parameter kualiti air ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Ia akan membekalkan air terawat untuk diagihkan ke kawasan selatan Selangor termasuk Beranang, Semenyih dan sebahagian Hulu Langat.

"Air itu juga disalurkan ke Kolam Air Terminal Bangi. Secara tidak langsung penyaluran tambahan air terawat ini sudah menstabilkan dan meningkatkan paras kolam itu," katanya.

Sementara itu, bagi kemajuan pembangunan LRA Labohan Da-

gang bagi keseluruhan projek sudah mencapai 35 peratus.

Zaidy berkata, buat masa ini pihak kontraktor dalam usaha menyiapkan kerja di tapak berdasarkan jadual yang ditetapkan dan dijangka siap, pada Disember tahun ini.

"Dengan siapnya pembinaan LRA Semenyih 2 dan Labohan Dagang, *reversed margin* di Selangor akan meningkat daripada tiga peratus kepada 9.8 peratus, akhir tahun ini.

"Pertumbuhan pembangunan yang pesat dalam sektor perumahan dan industri di negeri ini memerlukan Kerajaan Negeri untuk sentiasa bersedia dan mengambil langkah proaktif dalam menyediakan sumber bekalan air mentah serta terawat," katanya.

## NRW ke paras 20% menjelang 2035

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri merancang serta mensasarkan untuk menurunkan kadar Air Tidak Terhasil (*Non-Revenue Water*-NRW) ke paras 20 peratus, menjelang 2035.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abd Talib berkata, berdasarkan pelan perniagaan dirancang, keseluruhan kos bagi kerja penurunan NRW dianggarkan RM13.6 bilion selama 30 tahun termasuk kos kerja penukaran paip lama.

"Pelbagai program NRW dan inisiatif dilaksana berdasarkan pelan perniagaan termasuk Program Pengesanan Kebocoran Aktif pada paip retikulasi, paip utama dengan menggunakan alat pengesanan kebocoran berteknologi tinggi," katanya menjawab soalan lisan Ahli Dewan Negeri (ADN) Sekinchan dan ADN Kampung Tunku di Dewan

Negeri Selangor, pada 28 Mac lalu.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan pembentukan Zon Permeteran Daerah, Kawasan Iimbangan Air dengan Pengurusan Tekanan Air.

"Kita juga akan membuat penukaran paip komunikasi berselerak dan lama serta meter di Loji Rawatan Air (LRA) selain mengadakan program penukaran meter air pengguna, penukaran meter mekanikal kepada meter elektromagnetik dan pensaihan semula meter air pengguna," katanya.

Manakala bagi membiayai kerja penurunan NRW, Zaidy berkata, selain peruntukan negeri, juga mencadangkan sumber kewangan daripada Selangor dan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB), geran dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan peruntukan dana dalaman Air Selangor.





## 53 projek 'sakit' berjaya diselesai sejak 2008

**SHAH ALAM** - Sebanyak 53 projek perumahan terbengkalai membabitkan 24,660 unit berjaya diselesaikan Kerajaan Negeri, sejak 2008 hingga 2017.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, Kerajaan Negeri mengambil tindakan ke atas pemaju bermasalah dengan mendapatkan nama Ahli Lembaga Pengarah daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenarai hitamkan dan diedar kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Melalui sistem pendaftaran pemaju (SPEM) di LPHS, pemaju diwajibkan berdaftar jika ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Meran-

cang diluluskan PBT.

"Selepas dikenalpasti, nama pemaju yang disenarai hitamkan tidak dibenarkan melaksanakan pembangunan, di Selangor," katanya ketika menjawab soalan lisan Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari, di sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 28 Mac lalu.

Selain itu, Iskandar berkata, pemaju juga tidak dibenarkan membuat permohonan pembangunan tanah walaupun mereka hanya sebagai salah seorang pemilik syer di bawah nama syarikat pemaju lain.

Terdahulu, statistik akhir mencatatkan 116 projek perumahan terbengkalai di Selangor dengan jumlah unit sebanyak 42,541 unit, pada Disember 2008.



## Polisi Rumah Selangorku 2.0

# Pastikan harga terkawal

OLEH SYAZWANI SUFIAN

**SHAH ALAM** - Polisi Rumah Selangorku 2.0 yang dibina perlu mengikut spesifikasi ditetapkan dengan lebih terperinci bagi memastikan harganya terkawal.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, perkara itu disyaratkan kepada pemaju bagi memastikan rumah Selangorku sentiasa berada di bawah harga RM250,000.

"Melalui polisi baru ini, kita tu-

runkan had harga rumah kepada RM220,000, jika dulu RM250,000, untuk pemaju yang membina lebih 10 ekar.

"Sebelum ini, ada pemaju yang ingin jimatkan kos dengan bina rumah tidak mengikut spesifikasi sesuai, jadi dengan polisi baru ini pemaju perlu bina rumah yang menyediakan persekitaran selesa kepada pembeli," katanya.

Iskandar berkata, antara spesifikasi ditetapkan adalah daripada segi pembinaan tandas

dan bumbung yang perlu menggunakan bahan binaan sesuai.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri menetapkan syarat pemaju diwajibkan membina antara 20 hingga 40 peratus projek perumahan berada dalam harga RM42,000 hingga RM200,000.

"Kita tidak mengawal rumah harga bebas seperti Kerajaan Persekutuan, tetapi kita sentiasa memastikan sebahagian rumah yang dibina berada dalam harga RM42,000 hingga RM200,000," katanya.



## 3,588 hotspot Wifi Smart Selangor

**SHAH ALAM** - Sebanyak 3,588 perkhidmatan jaringan Wifi Smart Selangor diwujudkan sejak pelaksanaannya, pada Disember 2015 sehingga Disember 2017.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, ia merangkumi penambahan liputan wifi di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dalam tempoh dua tahun berkenaan.

"Sebanyak 12 PBT di Selangor dalam tempoh berkenaan sudah menunjukkan peningkatan lokasi hotspot.

"Antaranya adalah Majlis Bandaraya Shah Alam daripada 399 kepada 607, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (377 kepada 563), Majlis Perbandaran Subang Jaya (321 kepada 519), manakala Majlis Perbandaran Kajang (413 kepada 493).

"Bagaimanapun, jumlah hot-

spot ini mungkin berubah dari semasa ke semasa membabitkan penukaran, pemasangan dan penambahan wifi, di kawasan sesuai.

"Selain itu, usaha meningkatkan pemasangan wifi di kawasan PBT yang masih rendah, khususnya di kawasan luar bandar akan terus diberikan keutamaan walaupun ia adalah cabaran utama bagi merealisasikan hasil lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Ahli Dewan Negeri Batu Tiga, Rodziah Ismail berkenaan kemudahan wifi percuma Smart Selangor dalam sidang Dewan Negeri Selangor, pada 28 Mac lalu.

Nik Nazmi berkata, pelaksanaan industri pemasangan wifi Smart Selangor setakat ini mempunyai dua pembekal iaitu Telekom Malaysia (TM) dan Celcom (kawasan tiada jaringan TM).

## Proaktif tangani kes tibi

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) proaktif dalam menangani penyakit berjangkit khususnya penyakit tibi (*tuberculosis*) atau batuk kering.


Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, pihaknya merancang memperluaskan kempen kesedaran berhubung bahaya penyakit, di setiap daerah.

Katanya, JKNS sedang giat dalam aktiviti *case detection* melalui *case finding and detection* dan saringan dalam kala-

ngan kumpulan berisiko tinggi seperti pesakit diabetes, buah pinggang, kontak rapat dan warga emas, di pusat jagaan.

"Peningkatan kes di negeri ini sejajar dengan usaha pihak JKNS mengesan kes di peringkat awal dan memberi rawatan segera.

"Kempen kesedaran diperluas di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli Majlis, Ketua Kampung dan Penyelaras Pusat Wanita Berdaya (PWB)," katanya menjawab pertanyaan Ahli Dewan Negeri Batu Tiga, Rodziah Ismail,



### Kes Tibi (Tuberculosis)

Daerah	Jumlah kes
Petaling	1,541
Hulu Langat	1,161
Gombak	743
Klang	734
Hulu Selangor	191
Kuala Langat	184
Selangor	156
Kuala Selangor	134
Sabak Bernam	72

pada 27 Mac lalu.

Dr Daroyah berkata, Kerajaan Negeri juga menggalakkan semua klinik panel Skim Peduli Sihat untuk membuat *chest x-ray* yang boleh mengesan perubahan paru-paru akibat tibi.

Umno-BN jangan terlalu selesa

# Penolakan golongan mudakian ketara

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SHAH ALAM** - Umno Barisan Nasional (Umno-BN) diingatkan supaya tidak terlalu selesa dengan keputusan persempadanan baru yang diluluskan di Dewan Rakyat, kata Penganalisis Politik, Mohd Sayuti Omar.

Beliau berkata, senario pengundian rakyat kini tidak lagi berpihak kepada Parti Ketuanan Melayu itu, khususnya pengundi muda.

"Pengundi terbabit dengan persempadanan baru itu belum

pasti semuanya akan mengundi Umno-BN.

"Umno-BN hanya boleh mengubati kebimbangannya sahaja dengan pindaan yang penuh kontroversi tetapi tidak dapat menjamin kemenangan mudah.

"Jika peratus mengundi tinggi di semua kawasan pindaan dilakukan hari ini, (ia) tidak menjamin Umno-BN selamat.

"Apa yang perlu dibimbangkan ialah penolakan rakyat kepada Umno-BN kebelakangan ini semakin ketara," tulisnya di blognya.

Beliau berkata, pentadbiran Umno kini berdepan kemelut dalaman yang menyebabkan parti itu semakin hilang kredibiliti dan pengaruhnya.

Katanya, persekitaran politik baru itu juga membolehkan PAKATAN terus meraih kepercayaan dan undi rakyat yang lebih besar menjelang Pilihan Raya Umum 14 (PRU14).

"Perpecahan dalaman Umno ekoran wujudnya parti PBBM (Parti Pribumi Bersatu Malaysia) dilihat memberi masalah baharu kepada Umno-BN," katanya.



## Manifesto PAKATAN rungkai kemelut miskin bandar

**SHAH ALAM** - Kegagalan Kerajaan Persekutuan menangani isu kemiskinan bandar boleh diatasi menerusi pelaksanaan manifesto Pakatan Harapan (PAKATAN) yang memberi tumpuan kepada agenda pembangunan dan kebajikan rakyat.

Ketua Pemuda PAKATAN, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, isu kadar kemiskinan ditangani komprehensif dengan melaksanakan janji meningkatkan pendapatan rakyat.

Beliau berkata, pendekatan itu diselaraskan menerusi inisiatif menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,500 sebulan di seluruh negara dengan sekam kadar, setiap dua tahun.

"Pada masa sama, dengan yuran pendidikan percuma, maka ia akan membantu rakyat

untuk memperoleh ijazah tanpa dibebani hutang.

"Bagi peminjam PTPTN sedia ada, pembayaran semula hanya akan bermula apabila gaji mencapai RM4,000, sekali gus meningkatkan kuasa beli graduan bergaji rendah," katanya dalam kenyataan.

Nik Nazmi berkata, PAKATAN turut menetapkan pelaksanaan dasar berkeadilan yang terus memberi manfaat kepada masyarakat berpendapatan rendah.

"Pada 1960an-1990an pendidikan menjadi sumber mobiliti sosial yang membolehkan rakyat miskin termasuk dari luar bandar menjadi kelas menengah, namun situasi ini tidak berlaku, pada hari ini.

"Inilah sebabnya PAKATAN

**Bagi peminjam PTPTN sedia ada, pembayaran semula hanya akan bermula apabila gaji mencapai RM4,000, sekali gus meningkatkan kuasa beli graduan bergaji rendah**

**NIK NAZMI**  
Ketua Pemuda PAKATAN

menetapkan beberapa teras dasar bertujuan mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah," katanya.

## Sudah tiba masanya rakyat terima gaji bersesuaian

**KUALA LUMPUR** - Dalam usaha Malaysia ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi, sudah tiba masanya, rakyat memperoleh paras gaji bersesuaian.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Muhammad Ibrahim berkata, paras gaji dalam pasaran buruh adalah rendah dengan separuh daripada tenaga kerja menerima pendapatan kira-kira RM1,700 sebulan.

Manakala, katanya purata gaji permulaan bagi pemegang diploma hanya kira-kira RM350 melebihi gaji minimum sebanyak RM1,200.

"Sejak 2014, pendapatan kumpulan isi rumah 40 peratus terendah (B40) naik 5.8 peratus setiap tahun, bersamaan dengan RM156 sebulan.

"Bagaimanapun, perbelanjaan meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak enam peratus, atau RM120 sebulan, menjadikan kumpulan B40 mempunyai wang yang sedikit untuk berbelanja," katanya dalam taklimat media berhubung Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran BNM 2017, pada 28 Mac lalu.

Muhammad berkata, paras gaji di Kuala Lumpur (KL) pada 2016 dianggarkan RM2,700 bagi golongan dewasa, RM4,500 bagi pasangan tanpa anak dan RM6,500 bagi pasangan dengan dua anak.

"Ini hanya garis panduan digunakan banyak negara maju untuk memberi idea berhubung paras gaji yang dianggap sesuai.

"Di Malaysia, kos sara hidup paling tinggi sebenarnya di sini



**Di Malaysia, kos sara hidup paling tinggi sebenarnya di sini, dan pada tahap tertentu, cadangan gaji minimum juga boleh diaplikasikan di Pulau Pinang dan Johor Bahru**

**MUHAMAD IBRAHIM**  
Gabenor Bank Negara Malaysia

dan pada tahap tertentu, cadangan gaji minimum juga boleh diaplikasikan, di Pulau Pinang dan Johor Bahru," katanya.

Muhammad berkata, BNM merancang menubuhkan Biro Perangkaan Buruh Malaysia pada tahun depan bertujuan membolehkan kerajaan memantau berhubung peluang pekerjaan dan gaji bulanan.

## Keputusan kes BERSIH 2.0 lawan SPR 11 April

**SHAH ALAM** - Mahkamah Tinggi Shah Alam menetapkan 11 April ini bagi keputusan kes Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) 2.0 menentang Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berkaitan proses persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Hakim mahkamah, Datuk Azimah Omar, membuat ketetapan itu selepas meneliti keterangan daripada pihak pendakwa dan pembela berkaitan kes berkenaan.

Kes itu difailkan BERSIH 2.0 pada 20 Mac lalu iaitu permohonan Maria Chin Abdullah bersama

106 yang lain bagi menentang SPR, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Dipertua Dewan Rakyat berhubung perkara dinyatakan.

BERSIH 2.0 diwakili peguam, Datuk S Ambiga manakala SPR diwakili, Amarjeet Singh.

Mengulas keputusan itu, Ambiga berkata, pihaknya berharap semua pihak menghormati keputusan mahkamah itu.

"Kita akan meneliti perkara itu sama ada pilihan raya boleh diteruskan walaupun terdapat keputusan kes yang masih belum diputuskan.

"Saya mengandaikan mereka

**Kita akan meneliti perkara itu sama ada pilihan raya boleh diteruskan walaupun terdapat keputusan kes yang masih belum diputuskan**

**AZIMAH OMAR**  
Hakim Mahkamah

(SPR dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak) akan menghormati keputusan mahkamah ini," katanya.



Penetapan baru Kerajaan Perancis

# Tiga tahun wajib sekolah

**GLOBAL** - Kerajaan Perancis di bawah pembaharuan diumumkan Presiden Emmanuel Macron menetapkan kanak-kanak di negara itu bakal memulakan sesi persekolahan mereka pada usia tiga tahun berbanding enam tahun, ketika ini.

Agensi Berita BBC NEWS melaporkan, perubahan itu dilihat membolehkan Perancis menjadi satu daripada negara yang mewajibkan persekolahan pada peringkat umur paling muda, di Eropah.

Pembaharuan itu, bagaimanapun hanya membabitkan sejumlah kecil kanak-kanak ketika majoriti keluarga di Perancis sudah menghantar anak mereka ke sekolah ketika berusia tiga tahun.

Berdasarkan data diperoleh kerajaan, hanya 2.4 peratus kanak-kanak tidak mendaftar persekolahan mereka, pada

usia itu.

Macron berkata, perubahan itu bertujuan mengurangkan ketidakseimbangan dalam pendidikan ketika ibu bapa di kawasan miskin Perancis dan wilayah luar negara tidak cenderung menghantar anak mereka ke sekolah, pada usia lebih awal.

Di Paris, sebanyak 93 peratus kanak-kanak berusia tiga tahun didaftarkan bersekolah tetapi angkanya jauh lebih rendah di beberapa buah wilayah lain, di Perancis.

"Saya harap dengan kewajipan ini, maka bermula pada sesi persekolahan 2019 kita boleh memperbetulkan perbezaan ini," katanya.

Macron pada masa sama memuji perubahan itu sebagai titik permulaan dalam sistem pendidikan, di Perancis.



# Arab Saudi berdepan dakwaan serangan 11 September

**NEW YORK** - Seorang Hakim Amerika Syarikat (AS) menolak permohonan Arab Saudi menggugurkan tindakan mahkamah mendakwa ia membantu merancang serangan 11 September 2001 dan perlu membayar pampasan berbilion dolar kepada mangsa.

Hakim Daerah AS, George Daniels berkata, tuduhan plaintif itu 'berdasarkan asas yang wajar' untuknya menggunakan undang-undang persekutuan 2016, Akta Keadilan Menentang Keganasan (JASTA) ke atas Arab Saudi.

Kerajaan Arab Saudi sekian lama menafikan terbahit dalam serangan terancang menggunakan pesawat dirampas sebelum

terhempas di Pusat Dagangan Dunia New York, Pentagon, di luar Washington DC dan sebuah padang berhampiran Pennsylvania menyebabkan hampir 3,000 terbunuh.

Keputusan Daniels meliputi tuntutan keluarga mereka yang terbunuh dengan kira-kira 25,000 yang mengalami kecederaan, sejumlah perniagaan serta penanggung insuran.

Hakim turut menolak dakwaan bahawa dua bank Arab Saudi, National Commercial Bank dan Al Rajhi Bank, dan Binladin Group, sebuah syarikat pembinaan dikendalikan keluarga Bin Laden, menyediakan dana dan perkhidmatan kewangan untuk serangan itu.

## 2018 PESTA BUKU SELANGOR

**MEMBACA menceetus KREATIVITI**

**29 MAC - 8 APRIL 2018**

**10 PAGI - 9 MALAM (ISNIN - KHAMIS)**

**10 PAGI - 11 MALAM (JUMAAT - AHAD)**

**PUSAT KONVENSYEN SHAH ALAM (SACC CONVEC)**

**RM500 WANG TUNAI**

**UNTUK SETIAP PEMENANG 9 CABUTAN BERTUAH SETIAP HARI**

**CONTOH**

Peserta layak menyertai cabutan bertuah dengan pembelian bernilai RM30 ke atas di Pesta Buku Selangor 2018. Cabutan bertuah akan dilakukan setiap hari pada pukul 6.30 petang dan 8.30 malam

### RAKAN KERJASAMA

Taipei SmartCity Summit & Expo 2018

# Selangor diiktiraf ahli pengasas Go Smart

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Selangor diiktiraf sebagai ahli pengasas Global Organization of Smart Cities (GO Smart) Alliance yang dibentuk Kerajaan Bandar Taipei, di Taipei SmartCity Summit & Expo 2018, baru-baru ini.

GO Smart adalah rangkaian antarabangsa yang merangkumi kerajaan tempatan dan syarikat swasta yang akan bekerjasama untuk membangunkan Smart City menerusi kolaborasi, perkongsian kepakaran dan pembangunan projek inovatif.

Taipei SmartCity Summit & Expo 2018 berlangsung pada 27 hingga 30 Mac lalu disertai lebih daripada 120 bandar dan 33 negara bertujuan memamerkan kaedah pembangunan Smart City terbaik dunia.

Menyifatkan pengiktirafan diberikan kepada Selangor itu, Tim-

balan Pengarah Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), Dr Fahmi Ngah berkata, ia menunjukkan Smart Cities dunia juga mengiktiraf kebolehan Selangor dalam mencipta visi itu, sebelum ini.

Katanya, pengiktirafan terbahit turut menunjukkan Selangor mampu membangunkan negeri pintar atau Smart State dengan kepakaran negeri itu.

"Pengiktirafan ini jelas menunjukkan bahawa Smart Cities dunia juga mengiktiraf kebolehan Selangor mencipta visi dan membangunkan Smart State dengan kepakaran kita sendiri," katanya kepada SelangorKini.

Pada majlis yang diadakan di Pusat Pameran Nangang, wakil daripada 27 kawasan dan bandar di seluruh dunia dan lima majlis perbandaran negara menandatangani inisiatif bertujuan memudahkan kerjasama antara

kerajaan dan industri, sekali gus mempromosikan Smart City.

Timbalan Datuk Bandar Taipei, Charles Lin berkata, matlamat inisiatif itu adalah untuk mewujudkan satu organisasi global Smart Cities' bertajuk Go Smart, tahun depan.

SSDU ditubuhkan pada April 2016 adalah unit khas diberi mandat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk menggerakkan Smart Selangor dengan lebih efektif.

Terdahulu, Kerajaan Negeri yakin rakyat Selangor bersedia menerima inovasi baru yang bakal dilaksanakan menerusi agenda Smart Selangor.

Dr Fahmi berkata, bidang telekomunikasi jauh berkembang pesat dengan arus informasi dan teknologi tinggi membolehkan negeri itu menuju gagasan Smart State 2025.



## HIJRAH: Sewa berpatutan di tapak T.O.L PKNS

**SHAH ALAM** - HIJRAH Selangor (HIJRAH) diberi kepercayaan mengendalikan tapak perniagaan Tempat Orang Lokal (T.O.L) di Kompleks PKNS, di sini, yang menawarkan harga sewa tapak lebih berpatutan kepada usahawan.

Pengurus Khidmat Profesionalnya, Nur Siti Hazliana Mat Hashim berkata, terdapat tiga jenis sewaan ditawarkan kepada peniaga dengan kadar sewa dari pada RM2,000 hingga RM2,800 sebulan.

Katanya, kadar sewaan itu termasuk bayaran elektrik, permit dan GST bergantung kepada keluasan tapak, di situ.

"HIJRAH diberi kepercayaan mengambil alih T.O.L dan kami membuka peluang kepada vendor atau usahawan tempatan khususnya di Selangor untuk menjadikan tapak ini sebagai landasan mereka memperkenalkan produk masing-masing.

"Sehingga kini, 25 lagi vendor diperlukan dan keutamaan diberikan kepada pengusaha atau peniaga yang menjual barangan unik, menarik dan lain daripada lain.

"Di samping itu, kontrak kepada penyewa diberikan bermula dari April hingga Disember ini dengan kemasukan vendor baru, pada 15 April ini.

"Waktu operasi pula bermula dari jam 10 pagi hingga 10 malam," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, beliau berkata, T.O.L kini mempunyai 16 vendor sedia ada dan bakal mengadakan pembukaan secara rasmi pada awal Mei ini dengan pelbagai kelainan dan pengisian khas diberikan kepada pengunjung serta usahawan.

T.O.L adalah transformasi penjenamaan semula dan menaik taraf kompleks PKNS yang berusia lebih 40 tahun itu selain mengembangkan perniagaan usahawan baru lokal yang berani mengambil cabaran demi merealisasikan impian mereka dengan mengenakan kadar berpatutan.

Sebarang pertanyaan berhubung sewa tapak T.O.L boleh menghubungi Shazatul Athirah di talian 012-6723713 atau 03-55191692.

## Made In Selangor bakal diperluaskan ke luar

**PUTRA HEIGHTS** - Program Made In Selangor bakal diperluaskan ke pasar raya dan pusat membeli belah di luar Selangor dalam tempoh terdekat.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, pihaknya akan berunding untuk menempatkan kiosk di pasaraya AEON bagi meluaskan peluang peniaga mempromosikan produk mereka.

"Kita sedang cuba menjalinkan kerjasama dengan pusat membeli belah AEON yang tidak hanya di Selangor dan Lembah Klang tetapi boleh sampai ke Melaka, Johor Bharu serta beberapa lokasi lain," katanya.

Amirudin berkata, setakat ini lebih 20 peserta sudah menyertai program itu yang menempatkan peniaga selama dua bulan, di lokasi tertentu.

Katanya, Made In Selangor yang bakal memasuki peringkat ketiga dijangka mendapat lebih banyak sambutan, pada Ramadan dan Aidilfitri.

Bagi petugas gerai alat solekan, Dannea Zulaikha, 18, ia penyertaan pertama beliau dalam



Amirudin melawat tapak perniagaan Made In Selangor di Pasaraya Giant, Putra Heights, pada 30 Mac lalu

program Made In Selangor'

Katanya, hasil perniagaan boleh mencecah RM300 sehari jika waktu puncak khususnya, pada cuti umum dan hujung minggu.

Saidatul Syazwani Saimi, 23, yang menjaga gerai jualan kek turut berkongsi pengalaman

menyertai program Made In Selangor untuk kali kedua dan sebelum ini ditempatkan, di Pasaraya Giant Kota Damansara.

Beliau berpandangan program ini sangat baik untuk usahawan baru memperkenalkan produk masing-masing, di samping membuat jualan.

## Mahu lebih ramai mohon kedai panel KISS

**PELABUHAN KLANG** - Peniaga dan peruncit digalakkan untuk menghantar permohonan bagi menjadi sebahagian daripada kedai panel program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS).

Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, permohonan untuk menjadi kedai panel program KISS masih dibuka, sehingga kini.

"Sebenarnya kita mahu menggalakkan lagi peniaga dan peruncit khususnya rakyat Malaysia supaya mendaftar, sekali gus memudahkan penerima KISS berbelanja di kedai panel berdaftar.

"Walaupun saiz kedai mereka mungkin tidak besar seperti pa-

sar raya lain, namun atas semangat dan sokongan diberikan, mereka berrsama menjadi sebahagian daripada ahli keluarga KISS.

"Maka, diharapkan akan ada lebih ramai lagi peniaga dan peruncit bekerjasama dengan program KISS untuk menjual barangan keperluan asas kepada ibu," katanya.

Dr Daroyah berkata, pelaksanaan program KISS bukan hanya memberikan kemudahan kepada golongan ibu, malahan tidak melupakan peniaga dan peruncit kedai dengan memberi galakan kepada mereka.

Setakat ini, terdapat lebih 300 kedai runcit dan pasar raya panel KISS berdaftar, di seluruh Selangor.



ECO  
SANCTUARY  
CITY

# ECO SOMERSET

## PUSAT PERNIAGAAN KOMERSIL PERTAMA DI ECO SANCTUARY

Dengan keluasan 22' x 70', setiap unit Kedai Pejabat 2 & 3 tingkat disini direka khas dengan tujuan untuk mewujudkan sebuah bandar "urban" yang dinamik sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

Seni bina rekaan ini menjamin persekitaran dalaman setiap unit Kedai Pejabat kami terbentang luas lagi terang, hasil daripada ruang berganda yang menyerlahkan ciri elegan, praktikal dan fleksibel di setiap sudut untuk memenuhi setiap keperluan perniagaan anda.

Unit adalah terhad. Harga Bumiputera bermula daripada RM1,822,500.  
Kunjungi kami di Galeri EcoWorld @ Eco Sanctuary

### "ECOWORLD BUSINESS GRANT"

"PIONEER GRANT"	"FRANCHISING GRANT"	"INVESTMENT GRANT"
<p><b>2%</b> daripada harga surat perjanjian jual beli</p>	<p><b>3%</b> daripada harga surat perjanjian jual beli atau kos francais</p>	<p><b>2%</b> daripada harga surat perjanjian jual beli</p>
* Tertakluk kepada terma & syarat		



**Eco Sanctuary Sdn Bhd** (1076483-V)  
EcoWorld Gallery @ Eco Sanctuary  
Lot 41296, Persiaran Eco Sanctuary,  
42500 Telok Panglima Garang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Waze : Eco Sanctuary Sales Gallery

Nikmati perkhidmatan bertaraf dunia dan bantuan pakar daripada kami setiap hari.

Isnin hingga Jumaat 9pg - 6ptg  
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum 10pg - 6ptg

**+603 3344 2525**  
[www.ecoworld.my](http://www.ecoworld.my)



**ECOWORLD**  
CREATING TOMORROW & BEYOND



**SELANGOR  
MEMBUDAYA  
ILMU,  
MEMBERDAYA  
GENERASI  
CEMERLANG**  
@mediaselangor



**01**  
Ahli Parlimen  
Ampang, Zuraida  
Kamarudwain  
turun padang  
memeriahkan  
Karnival Rakyat  
Pangsapuri Sri Nilam

**03**  
ADN Kota Anggerik,  
Dr Yaakob Sapari  
menyantuni kaum  
wanita dalam  
program minum  
petang bersama  
mereka di kawasan  
beliau

**05**  
ADN Permatang,  
Datuk Sulaiman  
Razak turun padang  
menyampaikan  
sumbangan di  
Program Salam  
Sayang bersama  
penduduk Kampung  
Seri Tiram

**02**  
ADN Gombak  
Setia, Hasbullah  
Ridwan turut serta  
dalam program  
cuci motor secara  
percuma diadakan  
di kawasan beliau

**04**  
ADN Sekinchan,  
Ng Suee Lim turut  
serta Lawatan  
Sambil Belajar ke  
Betong bersama  
Pusat Wanita  
Berdaya (PWB)  
DUN beliau



1



2



3



4



5

PENDIDIKAN



# PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR



**RM25 Juta**  
 Perbelanjaan

**36,837**  
 Penerima

Subjek diajar:  
**BAHASA MALAYSIA  
 BAHASA INGGERIS  
 MATEMATIK  
 SEJARAH**



## Manfaat Program

- Tuisyen Percuma untuk anak-anak di Negeri Selangor yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di Negeri Selangor.



## Syarat Permohonan

- Permohonan bermastautin di Negeri Selangor.
- Berasal dari keluarga berpendapatan tidak melebihi RM3,000.
- Mempunyai pencapaian akademik sederhana dan lemah.



## Kriteria Akademik

- Mempunyai pencapaian akademik yang rendah dan lemah.



Pendaftaran dibuat menerusi Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) yang telah dilantik disetiap kawasan Dewan Negeri.

**KPMI boleh dihubungi menerusi Pusat Khidmat DUN di setiap kawasan.**

[www.ipr.selangor.gov.my](http://www.ipr.selangor.gov.my)

PENDIDIKAN



# BANTUAN SEKOLAH NEGERI SELANGOR



**RM110 Juta**  
 Perbelanjaan

**3,887**  
 Penerima



## Manfaat Program

- Dana daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk sekolah agama, sekolah menengah jenis kebangsaan, sekolah mubaligh di dalam Negeri Selangor bagi tujuan penambahbaikan infrastruktur.

Bertunjangkan agenda besar iaitu Hasil Negeri Untuk Rakyat. Inisiatif Peduli Rakyat diperkenalkan sebagai kaedah pengagihan semula kekayaan kepada rakyat."



Borang boleh dimuat turun daripada laman *website* rasmi Kerajaan Negeri Selangor atau di Pusat Khidmat DUN berdekatan.

<http://www.selangor.gov.my>



Dato' Seri Mohamed Azmin Ali,  
 MENTERI BESAR SELANGOR

Hantar borang anda ke

**Unit Pendidikan Sumber Manusia**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor DE.

Tel: 03-55212278 / 2407 • Faks: 03-55110659

[www.ipr.selangor.gov.my](http://www.ipr.selangor.gov.my)

Terima respon positif daripada ibu bapa

# SiKembar bantu golongan berpendapatan rendah

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**P**eningkatan pendapatan yang tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup sering meniti daripada bibir ke bibir masyarakat, sejak kebelakangan ini.

Situasi runcing itu ternyata memberi kesan kepada kuasa beli pengguna dan menjadi keluhan rakyat akibat ketidakcukupan pendapatan untuk menampung keperluan asas serta bebanan hutang.

Bagaimanapun, ia adalah realiti yang harus diharungi semua rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Bukan sahaja untuk menampung kenaikan harga barang, malahan aspek keselamatan juga harus diberi penekanan serius kerana ia adalah elemen keperluan terhadap anak.

Menyedari hakikat itu, Kerajaan Selangor tampil menjadi contoh terbaik dengan merencanakan lagi peranan pentadbirannya melalui tawaran Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKembar).

SiKembar adalah program di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) atau kini dikenali sebagai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah dalam menguruskan kehidupan secara lebih berkualiti.

Melalui skim baru itu, ibu bapa yang layak dan memenuhi syarat akan menerima bantuan RM100 setiap bulan yang akan dibayar terus melalui cek kepada taska anak mereka termasuk institusi atau rumah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Justeru, dasar memperluaskan kelayakan penerima bantuan terus dipertingkatkan supaya tiada golongan yang tercicir daripada menikmati ekonomi Selangor.

Dengan syarat sedia ada, ibu bapa berpendapatan seisi keluarga RM2,500 ke bawah yang menanggung seorang anak atau RM3,000 ke bawah yang menanggung dua anak digalakkan memohon skim itu. Malah, Rantaian Mesra Sdn Bhd yang juga anak syarikat Kerajaan Negeri mencadangkan



dan penjaga kepada kanak-kanak yang akan diasuh kelak.

Antaranya program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan Skim Bantuan Tadika Negeri Selangor (TUNAS).



supaya had gaji kelayakan dinaikkan supaya lebih ramai yang layak memohon.

## KIPK beri peluang kaum wanita jana pendapatan

Skim SiKembar mendapat respon positif dalam kalangan wanita khususnya suri rumah dan ibu tunggal untuk menjana pendapatan dengan mengusahakan pusat jagaan secara persendirian.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, kaum wanita berpeluang membuka pusat asuhan dan taska di rumah dengan mengikuti Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak (KIPK).

Katanya, setiap tahun sebanyak empat siri program dianjurkan dengan kapasiti setiap siri membabitkan 30 peserta yang diberi peluang mengikuti kursus itu secara percuma.

"Oleh kerana permintaan yang sangat tinggi, maka bermula pada tahun ini sebanyak lapan program bakal dilaksanakan membabitkan 40 peserta setiap siri. Selain perkongsian ilmu, ia turut memberi pendedahan berhubung perkhidmatan penjagaan kanak-kanak secara terbaik.

"Pelaksanaan KIPK jelas membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam memastikan aspek keselamatan kanak-kanak dipelihara sebaik mungkin," katanya.

Dr Daroyah turut memaklumkan, selain SiKembar, terdapat beberapa program Kerajaan Negeri yang boleh memberi manfaat kepada pengasuh juga ibu bapa

## Kaum wanita berpeluang membuka pusat asuhan dan taska di rumah dengan mengikuti Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak (KIPK).

**Dr Daroyah Alwi**  
Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga,

## 24 KIPK berjaya dilaksanakan

Sejak 2013 sehingga kini, sebanyak 24 program Kursus Intensif Perkembangan kanak-kanak (KIPK) kendalian Rangkaian Mesra Sdn Bhd berjaya dilaksanakan de-

### INFOGRAFIK

#### Jumlah permohonan berjaya mengikut tahun:

Tahun	Jumlah
2012	158
2013	400
2014	698
2015	755
2016	628
2017	460
<b>Jumlah</b>	<b>3,099</b>

#### Ringkasan pembayaran mengikut daerah (2012-2017)

Bil	Daerah	Jumlah (RM)
1.	Gombak	129,300.00
2.	Hulu Langat	139,800.00
3.	Hulu Selangor	516,600.00
4.	Klang	741,100.00
5.	Kuala Langat	359,350.00
6.	Kuala Selangor	389,700.00
7.	Petaling	455,340.00
8.	Sabak Bernam	161,700.00
9.	Selangor	149,140.00
<b>Jumlah</b>		<b>3,042,030.00</b>

#### Ringkasan pembayaran mengikut tahun (2012-2017)

Bil	Tahun	Jumlah (RM)
1.	2012	81,100.00
2.	2013	286,800.00
3.	2014	704,200.00
4.	2015	760,450.00
5.	2016	634,540.00
6.	2017	484,100.00
7.	2018	90,840.00
<b>Jumlah</b>		<b>3,042,030.00</b>

ngan kos keseluruhan menjangkau RM609,216 hasil peruntukan Kerajaan Negeri.

Pegawai Eksekutif Rantaian Mesra Sdn Bhd, Muhammad Fauzi Noordin berkata, kursus yang dilaksanakan bertujuan mempersiapkan diri mereka dengan Kursus Asuhan dan Pendidikan Permata (KAP).

"Melalui pembabitkan 698 pengusaha taska, ia membolehkan pengusaha taska memperoleh sijil KIPK yang juga sijil sementara selama setahun, sekali gus melayakkan diri menerima pengiktirafan secara sah daripada JKM," katanya.

Fauzi menggesa pengusaha dan pengasuh taska menghadiri kursus terbabit bagi melancarkan proses mendapat sijil pengiktirafan sebagai pengasuh yang terlatih serta bertauliah.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk menyalurkan bantuan dan sokongan terutama daripada aspek menaik taraf prasarana serta pembangunan latihan.

"Justeru, pengusaha wajib menyertai kursus intensif supaya jumlah taska yang diiktiraf dan diluluskan semakin bertambah.

Pada masa sama, ia membantu proses pemutihan taska dengan menyediakan pusat jagaan kanak-kanak yang kondusif dan selesa, di negeri ini.

"Pengiktirafan juga adalah berdasarkan kepada kemampuan taska mematuhi peraturan disyorkan JKM dan Pihak Berkuasa Tempatan demi menjaga kebajikan kanak-kanak," katanya.

## Skim berteraskan pembasmian kemiskinan

Skim SiKembar menepati salah satu program teras pembasmian kemiskinan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tetap Kemiskinan (JTK) sebagai program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat Selangor.

Fauzi berkata, skim itu antara lain bertujuan menyediakan bantuan kepada rakyat untuk mengurangkan bebanan kos penghantaran anak ke taska.

"Bagi keluarga berpendapatan rendah yang kedua ibu bapa bekerja mencari pendapatan, maka anak mereka perlu dihantar kepada pengasuh.


"Pengasuh pula akan mengenakan caj bayaran untuk setiap anak yang dijaga antara RM350 hingga RM450, malahan ada yang jauh lebih tinggi daripada itu. Oleh itu, melalui skim sebanyak RM100 sebulan, ia mampu mengurangkan beban kos penghantaran anak ke taska," katanya.

OLEH IMAN DANIAL HAKIM

# Citra Realisme Magis Dalam Hujan Pagi

Mungkin Franz Roh melihat dua bulan tergantung di dada langit sewaktu menulis *Nach Expressionismus: Magischer Realismus* sehingga beliau menggagaskan *magic realism* sebagai aliran seni yang realis tetapi memiliki unsur magis. Kemudian Gabriel Garcia Marquez tampil pula bersama *One Hundred Years of Solitude*, naskah yang menyampaikan cerita-cerita aneh, ajaib dan penuh ketakjuban dengan cara bersahaja. Pemisah antara fantasi dan realiti sudah kabur. Fantasi tidak lagi tertera sebagai ajaib tetapi ditangani sebagai sesuatu yang lumrah dan menjadi sebahagian daripada realiti hidup kita. Itulah realisme magis.

Istilah realisme magis menimbulkan perdebatan hangat dalam kalangan ahli-ahli kesusasteraan kerana tiada kesepakatan tentang maksudnya. Istilah itu terlalu luas untuk ditakrifkan. Pada 1973, International Association of Iberoamericanists menganjurkan sebuah perjumpaan, sekali gus menyarankan agar istilah itu dibuang sama sekali. Namun sehingga kini, realisme magis kekal hidup dan liat untuk dihapuskan. Mungkin dengan membekalkan unsur magis dan keajaiban pada perkara-perkara harian biasa, realisme magis menawarkan kepada kita perlindungan daripada dunia nyata yang kejam dan



Sempena ulang tahun ke-30 penerbitan, novel *Hujan Pagi* boleh ditempah melalui WhatsApps 016-3496999 atau e-mel kepada bawahpohonrendang@gmail.com. Foto ihsan Helmy Samad

menghukum.

Dalam sebuah kertas kerja, Ungku Maimunah Mohd Tahir (2007) menyatakan bahawa Sasterawan Negara Datuk A Samad Said (Pak Samad) mengaku membaca *One Hundred Years of Solitude* dan menyenangkannya. Bahkan beliau menelaah hasil nukilan penulis Amerika Latin yang lain. Menurut Pak Samad, karya Marquez istimewa, sesuai dengan cita rasanya sendiri dan dunia sastera Melayu atas beberapa sebab yang penting. Pertama, kedua-dua rantau ini menyaksikan jatuh bangun berbagai-bagai tamadun dan dihuni oleh bermacam-macam kelompok manusia bersama tradisi dan budaya tersendiri. Kedua, kesejajaran citra Melayu dan Amerika Latin yang tidak sepenuhnya menolak mitos, legenda dan hikayat sebagai akar budaya bangsa.

Sewaktu kecil, datuk Marquez sering menceritakan kepadanya tentang sejarah Colombia yang kaya dengan perjuangan dan revolusi. Neneknya pula sering berdongeng tentang hal-hal ajaib dan lipur lara yang intim dengan latar Amerika Latin. Peminat sastera patut terhutang budi kepada nenek Marquez yang telah menyampaikan cerita-cerita aneh dengan cara bersahaja dan

tanpa sinis, sehingga Marquez mendapat pelajaran pertama tentang magis dan realiti.

Pendirian Marquez ketika menulis *One Hundred Years of Solitude* dapat dilihat lewat kata-kata beliau, "My most important problem was to destroy the line of demarcation that separates what seems real from what seems fantastic. Because in the world that I was trying to evoke, that barrier didn't exist."

Bertitik tolak daripada pemahaman sedemikian, Marquez menukang realisme magis dalam *One Hundred Years of Solitude* dengan berkesan. Pembaca dihidangkan dengan realiti kehidupan keluarga Buendia dikelilingi perkara magis - manusia berekor babi, gadis makan tanah, masyarakat yang tidak boleh tidur, kimia menukarkan besi menjadi emas dan kitab yang mencatat riwayat keluarga Buendia dari awal sehingga waris terakhir. Jelas Ungku Maimunah Mohd Tahir (2007), Marquez tidak menggunakan konsep linear dalam penceritaan, sebaliknya beliau memaparkan watak-wataknya dalam tempoh "kini" yang berterusan tanpa konsep "kelak" (akan datang) atau "kelmarin" (sudah berlalu).

Lantas, bertolak daripada penjelasan tentang realisme magis sepertimana yang dibawa oleh Marquez, kita akan melihat elemen realisme magis dalam novel *Hujan Pagi* kepada dua aspek iaitu dunia naratif novel dan realiti yang tersimpan di dalamnya.

*Hujan Pagi* mensejajarkan dua latar yang berasingan tetapi sama-sama berperanan sebagai lokasi untuk pembinaan cerita dan perkembangan watak. Dua latar tersebut adalah dunia halusinasi Lokman dan dunia nyata yang dihuni oleh beliau. Pembaca ditunjukkan peribadi watak-watak lengkap dengan kekuatan dan kelemahan masing-masing serta realiti sebenar yang mereka wakili.

Elemen realisme magis dituangkan dengan seluas-luasnya di dalam dunia halusinasi Lokman. Segala kemungkinan - sama ada ia logik atau absurd - dimasukkan tanpa bimbang dipertikai. Aspek mistik, ghaib dan ajaib digembeleng secara berkesan - pulau yang hanya dihuni oleh empat orang, kehadiran tiga ekor kijang yang tidak bertambah atau berkurangan walaupun ditembak mati, rumah api yang menjadi pusat keghaiban dan tempat puaka, peti yang menyimpan kitab ajaib yang hanya dapat dibaca oleh pembaca bersarung cincin kayu. Dunia halusinasi Lokman juga sudah tunggang terbalik konsep tempat dan kronologi sejarahnya dengan menemukan tokoh, makhluk ajaib dan manusia biasa daripada pelbagai era untuk berinteraksi dalam suatu pengalaman aneh. Kehadiran nama pegawai kolonial seperti Raffles, Farquhar, Crawford diadun bersama pujangga kesusasteraan Melayu lama seperti al-Raniri, Hamzah Fansuri dan Abdullah Munshi menjadi paksi yang menaungi aktiviti dunia halusinasi Lokman.

Sementara di dunia nyata, logik dan rasional memainkan peranan utama. Kebijaksanaan akal tanpa bergantung kepada magis dan misteri dapat dilihat dalam situasi perdebatan Noriah, kerjaya Lajis sebagai arkeologis, kekacauan cakerawala yang boleh dicerap dengan ilmu astronomi dan penyakit Lokman yang mampu dikenal pasti melalui sains perubatan.

Pertembungan dua realiti berlegar kepada persoalan integriti akhbar sebagai suara rakyat. Dalam dunia halusinasi, Lokman mewarisi akhbar *Hujan Pagi* daripada datuknya sebagai alat perjuangan bangsa Melayu. Beliau sanggup berkonfrontasi dengan kolonial agar *Hujan Pagi* kekal hidup bersama misi menebus maruah Melayu, tidak rela menjadi bangsa yang sentiasa memberi dan menyerah. Pertembungan yang berat sebelah itu menonjolkan sisi perjuangan orang Melayu bergelut dengan tekanan kolonial.

Pada realiti lain pula, di dalam dunia nyata, wartawan - khususnya akhbar *Sinar Pagi* - menjadi pemakan gaji yang mengutamakan pulangan bulanan berbanding perjuangan dan masa depan bangsa. Akhbar tidak lebih dari sekadar pengekor, pelapor dan penghibur dan tidak membentuk pemikiran masyarakat. Dunia nyata ialah dunia yang akhbar telah menjadi bacul.

Realiti dunia nyata yang menyiksa memaksa Lokman untuk mencipta sebuah realiti baru yang bermaruah dan berprinsip. Sebuah dunia yang akhbar tidak dimanipulasi oleh pihak berkepentingan untuk memuaskan nafsu serakah dan menjadi benteng utama kepada cita-cita murni bangsa. Dunia halusinasi menawarkan Lokman pilihan yang lebih bererti. Watak Lokman adalah satu sindiran kepada bidang kewartawanan yang rosak oleh tangan-tangan manusia berkepentingan.

Gambaran dunia halusinasi yang bermaruah dan berprinsip itu disejajarkan di samping dunia nyata yang kejam dan melemaskan. Watak Haji Winarto Musleh dalam hikmah usia tuanya menegaskan, "Kalau kaulihat dalam-dalam, kau akan perhatikan hidup nyata kurang waras, sementara hidup dalam legenda itu lebih bererti." (halaman 183).

Begitulah bagaimana realisme magis sebagai satu fahaman sastera yang mewajarkan kemasukan unsur ajaib, takjub dan aneh dalam kehidupan seharian dimanfaatkan Pak Samad melalui *Hujan Pagi* untuk menyedarkan pembaca bahawa kita sentiasa mempunyai pilihan untuk menjadi manusia yang lebih baik. <END>

## Jaga

dia cuma seorang jaga yang menjual kudrat dan mencairkan tenaga di perut ibu kota.

dengan berdiri ia belajar erti menunggu meminjamkan mata buat majikannya tapi tak selalu ia bertemu keajaiban atau meraih terima kasih orang-orang lalu melewatinya seperti lalang berkaki.

di sini tak ada paya tapi selut kesibukan lumpurnya terpalit pada betis peristiwa si jaga sesekali ditambat pekatnya dan kasut pengalamannya koyak di sana sini.

keluarganya di kampung anak dua isteri seorang di ibu kota ia mengenal makna rindu dan tahu menyorok perasaan dengan topeng senyuman.

Abdullah Hussaini Mohd Ghazali Pahang

Kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Unit Pengurusan Bencana

# Dron, *water bombing* kawal kebakaran



OLEH AFIX REDZUAN

Penggunaan dron bagi mengenalpasti dan mengawal punca kebakaran hutan ketika operasi pemadaman memberikan kesan positif hasil daripada kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Unit Pengurusan Bencana, di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor.

Pengarah Perhutanan Negeri, Dato' Dr Mohd Puat Dahalan berkata, bantuan daripada segi kepakaran, tenaga kerja dan komitmen yang diberikan jabatan atau agensi lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan serta Pejabat Daerah dan Tanah sangat penting bagi menyusun gerak kerja supaya kebakaran hutan tidak merebak pada skala lebih besar.

"Jika ia berlaku, maka sudah pasti Kerajaan Selangor akan menanggung kehilangan sumber semula jadi dan biodiversiti yang besar termasuk kualiti alam sekitar akan terjejas teruk.

"Apabila menerima maklumat atau aduan berlakunya kebakaran hutan, maka kita akan bertindak segera menghubungi unit bencana SUK bagi tujuan mengatur gerak kerja memadam kebakaran mengikut prosedur ditetapkan. Kebakaran hutan pada skala besar perlu dikawal segera, maka Unit Bencana SUK akan terus berurusan dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi mendapatkan khidmat kapal terbang.

"Di samping itu, jentera seperti *excavator* juga turut digunakan untuk membina *fire break* dengan cara menggali parit di sekitar kawasan kebakaran supaya tidak merebak ke kawasan hutan yang masih belum terbakar. Ia bukan sahaja dapat menghalang kebakaran daripada merebak ke hutan bersebelahan, malahan kerja menggali parit itu akan menyebabkan air bawah tanah keluar dengan sendiri dan mampu bertindak membantu proses pemadaman api.

"Kaedah *water bombing* dengan menggunakan kapal terbang dari udara

untuk memadam kebakaran hutan juga digunakan kerana mampu memadam kebakaran dalam masa singkat melalui skop pemantauan udara lebih luas bagi mengenalpasti pergerakan angin dan pola kebakaran hutan" katanya kepada SelangorKini dalam satu temubual eksklusif, baru-baru ini,

Kaedah *water bombing* pernah digunakan ketika kebakaran Hutan Simpan Raja Musa pada tahun 2016 dan operasi pemadaman berjaya diselesaikan, dalam tempoh seminggu.

Sehubungan itu, Mohd Puat berkata, antara punca penyumbang kepada kes hutan terbakar adalah puntung rokok yang dibuang pengunjung haram dan pembakaran terbuka di tanah persendirian, berhampiran hutan simpan.

"Ada pengunjung haram yang memasuki hutan untuk berburu atau menangkap ikan. Apabila puntung rokok yang tidak dimatikan sepenuhnya, maka ia akan menjadi punca kebakaran hutan paya gambut.

"Kita sudah meletakkan papan tanda amaran tetapi ia dirosakkan pengunjung. Selain itu, bara yang diterbangkan angin akibat pembakaran yang dilakukan di tanah milik persendirian ketika melakukan pembersihan turut menjadi faktor kebakaran hutan," katanya.

Beliau berkata, bahagian bawah tanah yang terlampau kering akan menyukarkan proses pemadaman api kerana ia akan marak dengan lebih cepat dan jabatan itu bercadang menambah jarak paip saluran air bagi tujuan mengekang kekeringan tanah, di hutan paya gambut.

Sehingga kini, jumlah Hutan Simpanan Kekal di Selangor mencapai 31 peratus daripada keluasan tanah negeri dan pihak Jabatan Perhutanan sentiasa mempertingkatkan usaha untuk menambah bilangan atau keluasan hutan simpanan kekal walaupun menyedari negeri itu pesat membangun.

Jika ada hutan simpanan kekal yang terbabit dengan aktiviti pembangunan, maka ia perlu diganti semula bagi memastikan khazanah hutan akan berkekalan.

## IPR HOLDING

ERRY PUTRA

FARALYNA

NOR ALBANIAH

ARIZ LUFIAS

SETIAP KHAMIS 3.00 PETANG  
*selangortv.my* 



Inisiatif ke arah *Smart City*

# Komitmen MBPJ dipuji

OLEH SHEEDA FATHIL

**PETALING JAYA** - Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, memuji inisiatif yang dilaksanakan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam melancarkan aplikasi *Dashboard PPKPJ - PJ Smart City*.

Mohamed Azmin turut memuji MBPJ sebagai antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terunggul, utama dan pertama menyambut dasar Kerajaan Negeri ke arah *Smart State*.

"Saya melihat aplikasi *Dashboard PPKPJ - PJ Smart City* ini cukup canggih dan pendekatan ini harus digunakan dalam meningkatkan fungsi kecekapan produk-

tiviti pengurusan, dalam sesebuah bandar raya.

"Kita seharusnya ingat kayu pengukur kemajuan dan pembangunan yang diterima pakai masyarakat antarabangsa hari ini bukan sekadar *economic indicator*, namun keupayaan sesebuah negara atau negeri menggunakan aplikasi bersifat *Internet Of Things (IoT)*," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Meraikan Pesara 2018 MBPJ, di Dewan Banquet MBPJ, pada 30 Mac lalu.

Terdahulu, MBPJ melancarkan aplikasi *Dashboard PPKPJ - PJ*



*Smart City* sebagai landasan dua hala memantau tahap keberkesanan pelaksanaan Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) bagi menangani kes jenayah.

Sementara itu, Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain berkata, *dashboard*

berkenaan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) mengandungi maklumat setiap lokasi taburan program PPKPJ, *heat map* taburan lokasi dan taburan aktif program mengikut kawasan seksyen serta zon ahli majlis.

"Statistik yang diperolehi melalui Sistem Pemantauan Bandar

Selamat (SPBS) di Petaling Jaya menunjukkan penurunan kes jenayah dengan kadar peratusan 85.71 peratus.

"Ini membuktikan program PPKPJ memberi impak yang positif terhadap keberkesanan program dan keselamatan kejiranan," katanya.



Mohamed Azmin bergambar kenangan bersama warga kerja MBPJ yang menerima APC 2017

## Hargai komitmen 152 warga kerja

**PETALING JAYA** - Seramai 152 warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) diraikan dan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017, pada 30 Mac lalu.

Majlis disempurnakan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, di Dewan Banquet MBPJ.

Mohamed Azmin dalam ucapannya berkata, pentingnya sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dipimpin dan diterajui oleh satu pasukan yang kuat serta berintegriti.

"Kita perlukan sebuah pasukan yang mempunyai tahap profesionalisme tinggi dan mempunyai ilmu dan kemahiran bagi menjamin sesebuah majlis dapat memenuhi aspirasi rakyat hari ini yang semakin kompleks serta mencabar.

"Saya berani menyatakan mewakili Kerajaan Negeri bahawa pimpinan dan pengurusan MBPJ pada hari ini adalah kepimpinan terbaik, malahan akan tetap mempertahankan pegawai serta warga kerjanya," katanya.

Mohamed Azmin berkata, MBPJ antara PBT terunggul dan pertama menyambut dasar Kerajaan Negeri membina *Smart State*, di peringkat perbandaran.

Malah, Mohamed Azmin turut berbangga kerana dalam masa terdekat MBPJ berjaya

membina konsep *blue print* atau *Smart PJ* yang berpegang kepada tiga prinsip iaitu pintar, mampan dan berdaya tahan.

Selain itu, Mohamed Azmin berkata, penjawat awam kini boleh berbangga kerana sehingga hari ini Selangor terus melakar kejayaan dengan sumbangan terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia iaitu 23 peratus.

"Selangor mendahului dengan sumbangan tertinggi menerusi tiga sektor iaitu perkhidmatan (25.2%), pembuatan (28.9%) dan pembinaan (29%).

"Kerajaan Negeri amat menghargai sumbangan penjawat awam yang cemerlang dan tidak dinafikan tenaga baru amat penting untuk menjaga pertumbuhan ekonomi baru serta membangunkan negeri.

"Semoga anugerah APC ini menjadi pendorong kepada pegawai dan kakitangan MBPJ khususnya serta perkhidmatan awam negeri ini untuk terus mencurahkan khidmat bakti juga idea demi mencapai misi selain visi Kerajaan Negeri," katanya.

Sementara itu, Mohamed Azmin turut menyampaikan anugerah penghargaan kepada 38 pesara MBPJ 2018.



### KERAJAAN NEGERI SELANGOR JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

#### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/MK/16/2018 KERJA-KERJA MEMBINA, MEMBEKAL, MEMASANG, MENGIJAZAYAKAN PINTU AIR, KERJA-KERJA ELEKTRIKAL SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI PINTU AIR COMPARTMENT D, KAMPUNG HARMONI MUKIM IJOK, DAERAH KUALA SELANGOR UNTUK JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR	Bumiputera	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.  Gred : G4 Kategori : CE, M & E Pengkhususan: CE21 & CE36 dan M15 dan E04 atau E11	Kaunter Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor.  9HB APRIL 2018 hingga 30HB APRIL 2018	RM 400.00 Pengaruh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Kiriman Wang/ Bank Derah/Wang Pos)	Peti Tender Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor.  30HB APRIL 2018 (ISNIN) Jam 12.00 tengah hari

Taklimat dan Lawatan Pada : 9HB APRIL 2018 (ISNIN) Masa : 10.00 pagi. Tempat Berkumpul : Bilik Mesyuarat JPS Daerah Kuala Selangor, Jalan Stadium 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, hanya penama di Sijil Akuian Pendaftaran syarikat yang boleh menghadiri taklimat. **Syarikat TIDAK BOLEH** mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuian Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN DAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

## Majlis pembukaan Stadium MPAJ 8 April

# Jangka 5,000 hadir

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**AMPANG** - Seramai 5,000 warga Ampang dijangka bakal memeriahkan majlis pembukaan Stadium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), pada 8 April ini.

Yang Dipertua MPAJ, Abdul Hamid Hussain berkata, pelbagai aktiviti menarik diadakan bagi menarik lebih ramai penduduk setempat hadir memeriahkan majlis perasmian itu.

"Antara aktiviti menarik adalah kayuhan santai membabitkan penduduk tempatan dan cabutan bertuah yang menawarkan 200 hadiah menarik.

"Turut diadakan aktiviti zumba, silat, memanah, aktiviti jalan

kaki 10,000 langkah dengan jarak laluan anggaran antara tiga hingga lima kilometer," katanya pada sidang media Mesyuarat Penuh MPAJ di Menara MPAJ, pada 30 Mac lalu.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dijangka hadir merasmikan pelancaran pembukaan stadium milik Pihak Berkuasa Tempatan itu.

Sementara itu, majlis pelancaran stadium yang menelan belanja RM23 juta itu akan diadakan, di Pandan Perdana.

Pembinaan stadium berkeluasan 5.87 ekar bakal memberi manfaat kepada penduduk setempat dengan pelbagai fasiliti dan kemudahan terbaik disediakan MPAJ.



Abdul Hamid berkata, stadium yang mampu memuatkan 5,000 penonton pada satu masa itu dilengkapi padang bola sin-

tetik berkeluasan 8,670m<sup>2</sup>.

Ia turut menerima sijil pengiktirafan badan induk bola sepak, Persekutuan Persatuan Bola

Sepak Antarabangsa (FIFA) atas faktor kesesuaiannya untuk dijadikan gelanggang kejohanan profesional.

## J3P pastikan tadbir urus penjaja berkesan

**SUBANG JAYA** - Dalam usaha memastikan tadbir urus berkesan dalam kalangan penjaja, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras dan Penggerak (J3P).

Yang Dipertuanya, Noraini Roslan berkata, J3P berfungsi memberi pengawalan lebih berkesan di pasar malam dan pasar pagi, di kawasan seliaan MPSJ.

Katanya, usaha itu selari dengan kehendak Local Agenda 21 dengan pembabitkan dan penyertaan masyarakat dalam perancangan pengurusan serta pembangunan MPSJ.

"Perlantikan J3P dalam kalangan penjaja supaya mereka boleh mengatur perjalanan perniagaan mengikut acuan dirasakan sesuai.

"Pelantikan mereka juga sebagai pengiktirafan untuk mengurus sendiri kawasan mereka, di samping mendapat peman-tauan MPSJ," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Seminar dan Majlis Penganugerahan J3P, di MPSJ, pada 29 Mac lalu.

Antara pengisian modul seminar meliputi taklimat berhubung pengurusan sampah, keperluan kesihatan kepada pengunjung dan penjaja, e-wallet QRPay Maybank dan fungsi serta peranannya.

Noraini berkata, melalui penubuhan itu juga, J3P dan penjaja dapat membuat penyelesaian melalui rundingan bersama.

"Melalui Inisiatif ini juga MPSJ berjaya menjadikan penjaja sebagai rakan strategik dalam pengurusan kawalan perniagaan dan pembangunan usahawan penjaja kecil," katanya.

Pada majlis sama, turut diadakan pelancaran logo baru J3P dan penganugerahan kepada J3P tahun lalu yang cemerlang dalam perkhidmatan serta kerjasama baik dengan MPSJ.



Noraini bersama Exco Kerajaan Negeri, Amirudin Shari, bergambar kenangan dengan barisan J3P

## MPK kutip cukai taksiran RM81.2 juta

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) berjaya mengutip RM81.2 juta sehingga 25 Mac lalu berbanding RM79.86 juta bagi tempoh sama, pada 2017.

Yang Dipertuanya, Dato' Mohd Yasid Bidin berkata, pencapaian itu, sekali gus menyaksikan peningkatan RM1.34 juta.

Katanya, daripada jumlah itu, RM67.83 juta dengan prestasi 82 peratus bagi kutipan cukai taksiran

1/2018, manakala RM13.37 juta dengan prestasi 34 peratus daripada tunggakan cukai taksiran.

"Program sitaan dan rampasan harta akan terus dijalankan pada bulan ini bagi akaun harta yang mempunyai tunggakan.

"Orang awam dinasihat menjelaskan cukai taksiran mengikut waktu ditetapkan bagi mengelakkan sitaan dan rampasan harta," katanya ketika mem-

pengerusikan mesyuarat penuh bulanan, baru-baru ini.

Pada masa sama, Yasid berkata kaunter bayaran dan perkhidmatan MPK akan ditutup pada 31 Mac dan beroperasi semula, pada 2 April lalu.

Terdahulu, MPK melantik 55 kakitangannya menyertai Task Force cukai taksiran dan akan berkhidmat mengurangkan tunggakan bagi tempoh, sehingga Jun ini.

**MPK mengambil pendekatan sendiri menggunakan kenderaan Perodua Bezza yang lengkap dengan sistem siaraya dalam menyebarkan informasi mencegah denggi**



## Proaktif tangani denggi, 28,308 premis diperiksa

**KLANG** - Sejumlah 28,308 premis diperiksa serta 124,383 kawasan disembur kabus atau fogging setakat ini sebagai usaha mengurangkan kes demam denggi, di daerah Klang.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Dato' Mohd Yasid Bidin berkata, setakat ini kes demam denggi mencatatkan 1,729 kes, bagi tempoh Januari hingga Mac lalu.

Pihaknya turut bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kajang

dan Majlis Perbandaran Sepang setiap minggu bagi melaksanakan inisiatif cari serta musnah (*search and destroy*).

"Sembilan lokaliti hotspot dikenal pasti antaranya Jalan Kebun Nenas, Apartmen Bayu Villa, Taman Sentosa, Taman Sri Menegun, Taman Sentosa Kapar, Jalan Hamzah Alang dan Taman Orkid, serta Jalan Sementa," katanya ketika ditemui.

Bagaimanapun, Mohd Yasid berkata, jumlah kes demam denggi itu belum merekodkan

sebarang kematian.

Katanya, jumlah terabit juga lebih rendah berbanding tahun lalu, bagi tempoh sama.

Bagi tempoh Januari 2018 pula, mencatatkan 494 kes, 2017 (607) dan 2016 (1,074).

Manakala, bulan Februari 2018 (659), 2017 (512) dan 2016 (877) serta Mac 2018 (576), 2017 (767) juga 2016 (805).

Terdahulu, MPK melancarkan kenderaan promosi 'Gempur Aedes' bagi tujuan promosi dan hebahan kepada penduduk sekitar.

JAIS belanja RM137.6 juta

# Upaya institusi pendidikan Islam

OLEH NAZLI IBRAHIM

**GOMBAK** - Sejumlah RM137.6 juta dibelanjakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi melaksanakan pembangunan dan baik pulih institusi pendidikan Islam, sejak 2015.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, langkah itu bagi memperkasakan institusi pendidikan Islam dan meningkatkan aktiviti pembangunan rohani masyarakat.

"Ini termasuk pembangunan Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) dan Sekolah Rendah Agama, di bawah pengurusan JAIS," katanya.

Katanya, dalam tempoh 10 tahun, RM56.2 juta turut disalurkan kepada 2,707 Sekolah Agama Rakyat (SAR) bagi tujuan menaik taraf kemudahan infrastruktur dan prasarana pendidikan.

Pada masa sama, Mohamed



**Mohamed Azmin menyampaikan sumbangan kepada salah seorang wakil pengusaha Sekolah Agama Rakyat (SAR) Selangor**

Azmin berkata, Kerajaan Negeri juga memastikan institusi pendidikan bukan Islam terus diberi perhatian.

"Sejak 2008, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan tahunan RM10 juta untuk membantu menaik taraf SAR, sekolah

jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah menengah jenis kebangsaan dan sekolah mubaligh," katanya.



**WORLDWIDE HOLDINGS (6430-P)**

**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan syarikat kontraktor hendaklah dimiliki 100% oleh rakyat tempatan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

No	Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga	Tarikh dan Tempat Pembelian Dokumen Tender
A	<p><b>No Tender: WHB/PU/OT/PRO/02/18</b></p> <p><b>CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN YANG MENGANUNGI;</b></p> <p>i. 2 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (18'X70')</p> <p>ii. 18 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (20'X70')</p> <p>iii. 11 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (20'X80')</p> <p>iv. 30 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (20'X60')</p> <p>v. 1 PENCAWANG ELEKTRIK 1 RUANG (45'X48')</p> <p><b>DI ATAS LOT 106340, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.</b></p>	<p>Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor</p> <p><b>Gred : G7</b> <b>Kategori : B04</b></p> <p>(Kontraktor dikehendaki untuk membawa cop syarikat &amp; sijil CIDB sewaktu pembelian tender dokumen)</p> <p>Mempunyai pengalaman dalam bidang yang serupa dalam tempoh 5 tahun lepas (2013-2018)</p>	<p>Bayaran Dokumen Tender <b>RM 1,400.00</b> kepada MF ASSOCIATES SDN BHD (Bayaran dalam bentuk cek dan tidak akan dikembalikan)</p>	<p><b>04 April 2018</b> sehingga <b>11 April 2018</b></p> <p><b>Di pejabat:</b> MF ASSOCIATES SDN BHD NO. 49, JALAN BOLA JARING 13/15 SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN</p> <p>T: 03-5511 0400 F: 03-5512 0400</p> <p><b>Waktu Pejabat:</b> Isnin - Jumaat 9.00pg - 12.30tgh 2.30ptg - 5.00ptg</p> <p><b>Tarikh Tutup Tender:-</b> Sebelum atau pada jam <b>12.00tgh, 02 Mei 2018 (Rabu)</b></p>

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat berikut:-

**TENDER BOX B**  
**JABATAN PEROLEHAN**  
 LOT 01-03-01  
 WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD  
 NO 1 WORLDWIDE@7  
 JALAN LAZUARDI 7/29  
 40000 SHAH ALAM  
 SELANGOR DARUL EHSAN

No. Tel: 03-5510 2525 No. Fax 03-5510 4448

1. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan  
 2. Pihak Worldwide Land Development Sdn Bhd tidak terikat menerima Sebut Harga terendah atau mana-mana Sebut Harga

## Jurnal sumber panduan peradaban

**SHAH ALAM** - Jurnal Hal Ehwat Islam dan Warisan Selangor julung kali diterbitkan sebagai sumber panduan juga maklumat berkenaan perkembangan, kemajuan, ketamadunan serta peradaban Selangor.

Exco Hal Ehwat Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, terbitan jurnal itu bertujuan untuk mewujudkan saluran kepada ahli akademik, penyelidik dan masyarakat untuk berkongsi dapatan kajian, idea serta maklumat.

Katanya, jurnal berwasit melalui kaedah *peer reviewed journals* itu berasaskan integrasi ilmu dalam disiplin pengajian Islam dengan kemanusiaan bersifat kontemporari, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negeri khususnya daripada segi teori dan amali.

"Ia sejarah negeri kerana jurnal ini satu-satunya bahan ilmiah berwasit yang pernah dihasilkan oleh Kerajaan Negeri.

"Secara tidak langsung, ini menunjukkan Selangor mempunyai sejarah yang unik seperti negeri lain, dalam negara ini," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran jurnal itu, di Foyer SUK, pada 29 Mac lalu.

Hadir sama Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Prof Dato' Dr Ab Halim Tamuri dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Dato' Haris Kasim.

Sejak 2013, Dr Ahmad Yunus berkata, pelbagai usaha pengukuhan dan pemerkasaan Institusi Agama Islam dan Warisan Adat Budaya Selangor dilaksanakan secara tersusun bagi merealisasikan hasrat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor supaya negeri itu mampu memimpin peradaban dunia Islam, di rantau Asia.

Katanya, rakyat Selangor kini secara keseluruhannya amat meyakini dan mengiktiraf segala usaha yang dilaksanakan Kerajaan Negeri.

"Dengan hasil penghijrahan pelbagai pihak sejak dulu ke Selangor banyak menambah 'warna' koleksi warisan sejarah adat budaya.

"Namun kini, kebanyakan adat budaya terdahulu banyak ditapis supaya ia disahkan ketulenan bagi menjadi identiti adat dan budaya selain tidak bersalahan serta bertentangan dengan hukum syarak," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, sebanyak 700 naskhah sudah dikeluarkan dan jurnal sedemikian akan diterbitkan dua kali setahun, pada Jun dan Disember.

Katanya, jurnal itu diterbitkan dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab serta boleh didapati secara dalam talian di [www.jurnalselangor.com.my](http://www.jurnalselangor.com.my)

Kerajaan Negeri berikrar

# Teguh pertahanan Islam dan Melayu

OLEH NAZLI IBRAHIM

**GOMBAK** - Kerajaan Negeri tekad berpegang teguh mempertahankan kemuliaan Islam juga kepentingan masyarakat Melayu, di Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau bersedia

menghadapi apa juga cabaran dan rintangan walaupun terpaksa berhadapan serangan daripada pelbagai pihak.

"Saya mewakili Kerajaan Negeri bertekad apa jua kekuatan mahupun serangan kepada saya, maka saya tetap berdiri teguh mempertahankan umat Islam, orang Melayu dan institusi Islam, di

negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Ramah Mesra Bersama Pengusaha SAR Selangor, di Masjid Al-Syakirin, pada 1 April lalu.

Bagaimanapun katanya, sebagai negeri penyayang, kepentingan masyarakat bangsa lain juga akan terus dipelihara dan

sentiasa mendapat perhatian Kerajaan Negeri.

"Saya datang bukan untuk menabur janji tetapi kenyataan disebutkan tadi membuktikan dan menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri untuk terus membela umat Islam dan Melayu, di Selangor," katanya.



## 412 sekolah agama rakyat terima RM10 juta

**GOMBAK** - Sebanyak 412 Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Selangor menerima sumbangan RM10 juta daripada Kerajaan Negeri untuk kemudahan pelajar dan guru.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata,

sumbangan itu sebahagian daripada RM24 juta yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2018, pada tahun ini.

Katanya, Kerajaan Negeri sedar percambahan institusi pengajian Islam swasta atau persendirian memerlukan bantuan demi

menjamin tahap dan kualiti pendidikan.

"Sistem pendidikan Islam adalah aspek terpenting dalam pembangunan umat Islam khususnya bagi melahirkan masyarakat yang memiliki nilai dan jati diri muslim sejati serta ber-

pegang teguh kepada ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Ramah Mesra Bersama Pengusaha SAR Selangor, di Masjid Al-Syakirin, pada 1 April lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Nege-

ri tuntas memartabatkan kecermerlangan pendidikan akademik seiring pendidikan Islam untuk melahirkan *ummatan wasata* yang berpegang kepada prinsip keadilan serta kesederhanaan seperti ditegaskan dalam al-Quran.



Mohamed Azmin ditemani Zuraida bergambar kenangan bersama penerima sumbangan ekoran kediaman mereka terjejas ekoran projek menaik taraf Sungai Ampang

## Mangsa kediaman terjejas dipedulikan

**AMPANG** - Seramai 24 individu menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri selepas kediaman mereka terjejas ekoran projek menaik taraf Sungai Ampang.

Sumbangan diserahkan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, di Masjid Jami'ul Huda dengan disaksikan Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Azmi Diron, pada 1 April lalu.

Zuraida dalam ucapannya berkata, sumbangan itu bukti keprihatinan Kerajaan Negeri kepada penduduk, di Jalan Pinang dan Jalan Kempas.

"Jika diikuti prosedur atau undang-undang, tiada peruntukan untuk sumbangan ini, namun atas keprihatinan Kerajaan Negeri, maka Dato' Menteri Besar sedaya upaya menyantuni mereka.

"Setiap penerima diminta membuat tuntutan barangan terjejas dan pada masa sama, saya sendiri sudah pergi rumah ke rumah untuk melihat sama ada wajar atau tidak mereka menerima sumbangan ihsan ini," katanya.

Beliau berkata, sumbangan itu adalah fasa pertama membabitkan 48 individu keseluruhannya yang dijangka akan menerima bantuan sama, tidak lama lagi.

Sementara itu, salah seorang penerima, Zulkarnain Salleh, 57, mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas sumbangan berkenaan.

"Saya berasa terharu kerana Kerajaan Negeri sudi menghulurkan bantuan ini walaupun ia tiada dalam peruntukan," katanya.

Manakala, Syazwani Adlina Sazali, 26, berkata, banyak kerosakan terjadi di rumahnya, justeru inisiatif Kerajaan Negeri amat dihargai.

"Bantuan ini sedikit sebanyak membantu saya dan keluarga untuk membaik pulih kediaman," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
5 - 11 APRIL 2018							
18 - 25 REJAB 1439H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
05 Khamis	5:45	5:55	7:10	1:7	4:23	7:23	8:32
06 Jumaat	5:45	5:55	7:10	1:7	4:23	7:23	8:32
07 Sabtu	5:45	5:55	7:09	1:18	4:24	7:22	8:32
08 Ahad	5:44	5:54	7:09	1:18	4:24	7:22	8:32
09 Isnin	5:44	5:54	7:09	1:18	4:24	7:22	8:32
10 Selasa	5:43	5:53	7:08	1:17	4:25	7:22	8:31
11 Rabu	5:43	5:53	7:08	1:17	4:25	7:22	8:31
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
05 Khamis	5:48	5:58	7:12	1:21	4:25	7:25	8:34
06 Jumaat	5:47	5:57	7:11	1:21	4:25	7:25	8:34
07 Sabtu	5:47	5:57	7:11	1:20	4:26	7:25	8:34
08 Ahad	5:46	5:56	7:10	1:20	4:26	7:24	8:34
09 Isnin	5:46	5:56	7:10	1:20	4:27	7:24	8:34
10 Selasa	5:45	5:55	7:10	1:20	4:27	7:24	8:34
11 Rabu	5:45	5:55	7:09	1:19	4:27	7:24	8:34
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
05 Khamis	5:46	5:56	7:11	1:19	4:24	7:23	8:32
06 Jumaat	5:46	5:56	7:11	1:19	4:25	7:23	8:32
07 Sabtu	5:45	5:55	7:10	1:19	4:25	7:22	8:32
08 Ahad	5:45	5:55	7:10	1:18	4:26	7:22	8:32
09 Isnin	5:45	5:55	7:10	1:18	4:26	7:22	8:32
10 Selasa	5:44	5:54	7:09	1:18	4:26	7:22	8:31
11 Rabu	5:44	5:54	7:09	1:18	4:27	7:22	8:31

Pastikan institusi keluarga harmoni

# PEKAWANIS lancar kempen banteras pornografi

OLEH SHEEDA FATHIL

**SHAH ALAM** - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) giat melaksanakan Kempen Sekeluarga Tolak Pornografi (STOP).

Pengerusinya, Datin Seri Shamshida Taharin berkata, kempen berkenaan dilaksanakan atas dasar prihatin berhubung kesan negatif pornografi yang boleh menjejaskan keharmonian keluarga.

Katanya, kempen itu menekankan keperluan ibu bapa untuk memantau tahap penggunaan gajet oleh anak mereka secara bijak.

"Pendekatan ini amat diperlukan dan jika kanak-kanak tidak dibimbing untuk menguasai penggunaan teknologi, maka

keluarga kita berkemungkinan akan dikuasai teknologi.

"Hal ini bukan sahaja kanak-kanak dan remaja yang berhadapan dengan krisis gejala pornografi, malahan hubungan suami isteri turut terancam jika tiada pemantauan dan kawalan sebaiknya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Kempen STOP yang diadakan di Dewan Megawati, Kediaman Rasmi Menteri Besar, pada 31 Mac lalu.

Turut hadir, Pengerusi Wadah Selangor, Nik Mohd Yusoff Nik Ismail; Presiden Persatuan Taska Negeri Selangor (PTNS), Mahanom Basri dan Pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Nur Izura Udzir selaku panel kempen STOP.

Shamshida berkata, pendekatan kepada pornografi dalam jangka masa panjang pada usia dewasa dan berumahtangga ternyata mengganggu komitmen sesama pasangan dan menjurus kepada tingah laku curang juga risiko perceraian.

"Jika setiap keluarga dalam komuniti dibiarkan hancur tanpa intervensi kolektif institusi masyarakat, maka sampai bila keluarga kita akan selamat?," soalnya.

"Oleh itu, pentingnya kempen seperti ini dilaksanakan bertujuan memberi kesedaran kepada setiap manusia tidak kira golongan kanak-kanak mahupun dewasa," katanya.

Kempen berkenaan turut mendapat kerjasama dan sokongan bersama Wadah Selangor juga PTNS.



Shamshida merasmikan kempen STOP yang turut menerima sokongan dan kerjasama Wadah Selangor juga PTNS



Shamshida (tengah) bergambar kenangan bersama barisan panelis yang membincangkan isu berkaitan wanita dalam program Tea Talk

## JEiWA syor tubuh Penguatkuasaan Perintah Mahkamah

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri dicadangkan menubuhkan Badan Autoriti Penguatkuasa Perintah Mahkamah bagi membantu dan memudahkan golongan isteri berdepan isu kegagalan pelaksanaan perintah mahkamah.

Pengerusi Persatuan Pemerkasaan Wanita Intelektual Johor (JEiWA), Nor Fadilah Mohamed Nizar berkata, hal itu kerana Selangor adalah negeri yang mengamalkan dasar wanita terbaik, di Malaysia.

Katanya, ia bagi mengelakkan wanita terkesan daripada segi emosi, sosial, ekonomi dan hubungan masyarakat.

"Akibat daripada masalah kegagalan pelaksanaan perintah mahkamah, maka proses ke arah transformasi selepas perceraian terganggu.

"Ini akan menyebabkan wanita

terpaksa memfailkan kes semula ke mahkamah dan menanggung kos guaman yang mencecah ribuan ringgit," katanya.

Beliau berkata demikian di program Tea Talk yang diadakan di Kediaman Dato' Menteri Besar Selangor, baru-baru ini.

Hadir sama isteri Dato' Menteri Besar, Datin Seri Shamshida Taharin.

Tea Talk itu menampilkan barisan panel antaranya Ahli Dewan Negeri Taman Medan, Haniza Talha; Peguam Syarie, Roshdan Sujak Rafie dan Fahda Nur Ahmad Kamar.

Sementara itu, Shamshida mengalukan Tea Talk sempena Tahun Memperkasakan Wanita 2018 dan berharap ia diadakan pada masa lain dalam memberikan perkongsian yang baik kepada wanita daripada pelbagai peringkat.

"Golongan wanita perlu dilengkapi dengan ilmu ke-

rana ilmu pengetahuan boleh mereformasikan hidup ke arah lebih baik serta memperjuangkan hak dalam kehidupan berumah tangga," katanya.

## MPSJ ke arah bandar mesra wanita

**SUBANG JAYA** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan dan pembangunan bagi mencapai sasaran sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama menjadi bandar mesra wanita, di Malaysia.

Yang Dipertuanya, Noraini Roslan berkata, hal itu merangkumi penyediaan kemudahan kepada persekitaran yang peka terhadap aspek keselamatan, kesihatan, pendidikan dan perniagaan.

Katanya, ia sebagai usaha memperkasa dan memperjuangkan nasib serta hak wanita, di Selangor.

"MPSJ menetapkan indikator dalam menyediakan kemudahan dan capaian wanita ke arah Women Friendly Cities.

"Ia selaras dengan saranan Kerajaan Negeri yang mencadang-

kan MPSJ sebagai PBT pertama melaksanakannya," katanya ketika mempengerusikan mesyuarat penuh MPSJ, baru-baru ini.

Terdahulu, Exco Kesihatan, Kebajikan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, mencadangkan Subang Jaya dicalonkan sebagai bandar mesra wanita di Selangor dan pertama, di Malaysia.

Perkara itu dihasratkan beliau ketika Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat Negeri Selangor 2018 Press For Progress, di Hotel Concorde, baru-baru ini.

Daroyah berkata, ia pendekatan utama dasar wanita Selangor yang mahu mengangkat bandar mesra wanita maksudnya bandar pintar juga mempunyai aplikasi khas untuk memudahkan golongan wanita.



Pegawai Penyelaras DUN Kota Damansara, Mohd Rodzlan Jalaludin (tengah) bergambar kenangan bersama sebahagian daripada 435 penerima Skim Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) fasa kedua DUN itu, pada 25 Mac lalu

Kejayaan bina stadium

# Dorong MPAJ bentuk pasukan bola

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**AMPANG** - Kejayaan pembangunan Stadium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mendorong Pihak Berkuasa Tempatan itu untuk aktif dalam bidang pembangunan sukan tempatan.

Komitmen itu dinyatakan Yang Dipertua MPAJ, Abdul Hamid Hussain, yang optimis dapat membentuk pasukan bola sepak pertama, di bawah pentadbirannya.

"Ada stadium baru dan tidak mustahil kita boleh mewujudkan pasukan bola sepak sendiri untuk bertanding, di peringkat tertinggi.

"Kita akan menilai keupayaan menyediakan pasukan bola sepak MPAJ kerana ia memerlukan kos sangat tinggi.

"Tajaan daripada syarikat atau individu yang mahu bekerjasama dengan MPAJ sangat dialu-alukan," katanya pada sidang media Mesyuarat Penuh MPAJ, di Menara MPAJ, pada 30 Mac lalu.

MPAJ kini sudah memiliki stadium tempatan pertama di ka-

**Kita akan menilai keupayaan menyediakan pasukan bola sepak MPAJ kerana ia memerlukan kos sangat tinggi. Tajaan daripada syarikat atau individu yang mahu bekerjasama dengan MPAJ sangat dialu-alukan**

**ABDUL HAMID HUSSAIN**  
Yang Dipertua MPAJ

wasan pentadbirannya dengan pembinaan Stadium MPAJ dengan nilai pembangunan RM23 juta.

Stadium berkenaan turut mendapat pengiktirafan daripada Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa atas faktor kesesuaiannya untuk dijadikan gelanggang kejohanan profesional.



## 500 sertai Acara Berbasikal Kayuhan Malam MBSA

**SHAH ALAM** - Seramai 500 peserta memeriahkan Acara Berbasikal Kayuhan Malam anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14, pada 24 Mac lalu.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Shahrin Ahmad berkata, aktiviti popular di Shah Alam itu bertujuan melahirkan masyarakat sihat dan cergas.

"Kayuhan sejauh 10 kilometer (km) itu mengelilingi Pusat Bandar Shah Alam dengan melalui seksyen 2, Seksyen 6, Seksyen 7 dan Seksyen 14.

"Program bermula jam 6 petang itu disempurnakan acara pelepasannya oleh Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad," katanya dalam kenyataan.

Shahrin berkata, selain menyediakan cabutan bertuah kepada 20 peserta ka-

yuhan, MBSA turut memberikan kemeja T percuma kepada 400 terawal yang mendaftar.

Sementara itu, acara kayuhan itu diadakan sempena Program 60+ Earth Hour Shah Alam 2018 sebagai simbolik sokongan terhadap usaha World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia untuk menyelamatkan bumi daripada pencemaran alam sekitar.

Program 60+ Earth Hour adalah kempen yang dilaksanakan secara menyeluruh bertujuan memberikan kesedaran berhubung isu pemanasan global.

Ia juga salah satu inisiatif MBSA mendidik komuniti Shah Alam terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar serta menyokong usaha menyelamatkan bumi.

**JABATAN KERJA RAYA**

**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID SEKSYEN 24, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN  JKR/SEL/ (N)008(T)/2018	Bumiputera T1	PPK, SPKK, STB & UPEN  Gred: G7/G6/G5/G4  Kategori: ME  Pengkhususan: E01, E04 & E11	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.  04/04/2018 (Rabu)  Hingga 18/04/2018 (Rabu)	RM250.00  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (Bayaran tidak akan dikembalikan)  Atas Nama: Bendahari Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Kompleks Ibu Pejabat JKR Negeri Selangor, Tingkat Bawah Persiaran Jubli Perak, Seksyen 17 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  Pada: 25/04/2018 (Rabu)  Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari. (Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan)

**Lawatan Tapak Digalakkan.** Sebarang pertanyaan sila hubungi di Bahagian Kejuruteraan Elektrik, JKR Negeri Selangor. No. Telefon: 03 55455833 - sbgn 4141

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat didalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontrak/syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Ketua Akauntan Kementerian Kerja Raya. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

\*Jenis Pendaftaran:

- T1 - Syarikat 100% milik tempatan
- A1 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

# SUKANE



Pengurusan tertinggi FAS angkuh

## Punca tak jalin kerjasama

OLEH SABIRAH AZIZ

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri tidak menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Negeri Selangor (FAS) ekoran sikap angkuh dan sombong pengurusan tertinggi yang menidakkan kuasa tertentu.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, perubahan dalam FAS hanya boleh diselesaikan serta ditangani secara bijak oleh ahli gabungan.

"Jika pemimpin tertinggi yang dilantik sebagai presiden mempunyai sikap angkuh dan sombong, maka ia akan merosakkan organisasi itu lantas memberikan kesan negatif kepada bola sepak secara keseluruhannya.

"Presiden FAS, Datuk Seri Subahan Kamal juga sering menuding jari kepada Kerajaan Negeri atas masalah dihadapi pasukan Selangor, namun haruskah kami tunduk dengan desakan dan memenuhi kehendak beliau sedangkan sikapnya itu adalah punca kemerosotan pasukan Selangor buat masa ini," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata demikian bagi menjelaskan kenyataannya pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) yang menjawab isu Stadium Shah Alam kepada Ahli Dewan Negeri Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi.

Amirudin berkata, jawapan itu bukan ditujukan kepada FAS secara keseluruhan, namun lebih kepada Subahan.

Beliau berkata, sebelum ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kepada pasukan Selangor daripada sudut fasiliti, kewangan, perkhidmatan kepakaran dan yang lain melalui peruntukan negeri atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Kerjasama ini membawa kejayaan dan kecemerlangan pasukan negeri di persada liga peringkat kebangsaan serta melahir-



kan ramai pemain skuad kebangsaan Malaysia," katanya.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor akan terus melaksanakan pelbagai program dan membangunkan sukan itu secara berterusan bersama persatuan bola sepak demi memastikan kecemerlangannya.

"Contohnya, seperti pembangunan sukan bola sepak serta kerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Melayu Selangor dengan mewujudkan program Akademi Bola Sepak Merah Kuning yang dijalankan, di seluruh daerah.

"Di samping itu, MSN bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Melayu Selangor bagi mengetengahkan setiap pemain ke tahap lebih tinggi.

"Sebarang bentuk program pembangunan sukan di negeri ini juga tidak pernah

**Presiden FAS, Datuk Seri Subahan Kamal juga sering menuding jari kepada Kerajaan Negeri atas masalah dihadapi pasukan Selangor, namun haruskah kami tunduk dengan desakan dan memenuhi kehendak beliau sedangkan sikapnya itu adalah punca kemerosotan pasukan Selangor buat masa ini**

**AMIRUDIN SHARI**  
Exco Sukan

dikecualikan. Ia terbukti dengan kejayaan Selangor menjuarai Sukan Malaysia (SUKMA) sebanyak sembilan kali daripada 19 edisi penganjuran," katanya.

## Terima kasih MFL, kurang hukuman

**SHAH ALAM** - PKNS FC berterima kasih kepada Liga Bolasepak Malaysia (MFL) yang menerima rayuan dan mengurangkan hukuman dikenakan kepadanya.

Presidennya, Siti Zubaidah Abd Jabar berkata, pihaknya merancang menggunakan peruntukan diperoleh bagi program pembangunan PKNS FC demi kemajuan bola sepak negara, pada masa depan.



"PKNS FC merakamkan terima kasih kepada Pengerusi MFL, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang menerima rayuan berkenaan kelewatan melengkapkan dokumen pendaftaran liga dan hukuman dikurangkan daripada RM1.5 juta kepada RM500,000.

"Dengan peruntukan diperolehi, PKNS FC mempunyai perancangan untuk memperkukuhkan lagi program pembangunan bola sepak bagi bakat muda melalui Akademi Bola Sepak PKNS FC yang mempunyai seramai 160 pelatih berumur daripada lapan hingga 17 tahun seperti dirancang," katanya.

Beliau berkata, kumpulan bakat muda itu adalah pelapis kepada pemain profesional yang akan meneruskan perjuangan pasukan negara, pada masa akan datang.

Katanya, PKNS FC juga mengucapkan tahniah kepada Tunku Ismail yang kembali terpilih sebagai Pengerusi Perkongsian Terhadap Liabiliti Bola Sepak Malaysia (FMLLP) yang ditukar kepada MFL dalam Kongres kali kedua FMLLP, di Johor Bahru, pada 26 Mac lalu.

"PKNS FC mempunyai keyakinan tinggi di atas kepimpinan Tunku Ismail untuk membawa MFL lebih berdaya saing dan dinamik, seterusnya meningkatkan imej Liga Malaysia," katanya.

**IKTISASS**  
INISIATIF KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN IKHTISAS SMART SELANGOR

Program Perantisan Kemahiran Belia


PELUANG LATIHAN DAN KERJAYA

**HARI TERBUKA SHRDC-IKTISASS**

**UNTUK LEPASAN SPM, DIPLOMA ATAU IJAZAH**

Aktiviti:-

1. Taklimat Teknikal
  - Robotik - Lego Mindstorms (Untuk Lulusan SPM/tingkatan 5)
  - Graduan dan Revolusi Industri 4.0: Hala Tuju Kemahiran Tinggi Negara (Untuk Lulusan Ijazah/Diploma)
2. Temuduga bersama Industri



Jemput Hadir Semua!

**Tarikh : 14 April 2018 (Sabtu)**  
**Masa : 9.30am - 1.00pm**  
**Tempat : SHRDC, SEKSYEN 13, SHAH ALAM.**

**Pendaftaran :**  
<https://bit.ly/2DxUXP2>  
atau email kepada [recruitment@shrdc.org.my](mailto:recruitment@shrdc.org.my)



Selangor Human Resource Development Centre  
No 1, Ground Floor, Block 2, Pusat Perniagaan Worldwide (Worldwide Business Park),  
Jalan Tinju 13/50, Section 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
tel. +603 5513 3560 fax. +603 5513 3490 email. [info@shrdc.org.my](mailto:info@shrdc.org.my) [www.shrdc.org.my](http://www.shrdc.org.my)

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn. Bhd., Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, 40200 Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5519 6373 Faks : 03-5512 7985